AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 45 | RABU 11 NOVEMBER, 1987. | رابو 19 ربيع الأول 1408 | PERCUMA



## Laksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi :

# BEKERJASAMA DAN BERSATU PADU — titah

Oleh Jaafar Hj. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rakyat dan penduduk di negara ini diingatkan supaya akan sama-sama tampil memberikan kerjasama dan sentiasa bersatu padu di dalam usaha untuk membangun dan memajukan serta mempertahankan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah perlunya setiap rakyat dan penduduk negara ini melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh dedikasi dan semata-mata kerana Allah jua.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengingatkan demikian ketika bertitah di Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah dilangsungkan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di sini pada hari Rabu 4 November yang lalu.

"Bersempena hari yang penuh berkat ini beta mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini supaya akan sama-sama tampil memberikan kerjasama dan sentiasa bersatu padu di dalam usaha kita untuk membangun dan memajukan serta mempertahankan negara kita yang sama-sama kita cintai ini dengan melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan kepada kita itu dengan penuh dedikasi dan semata-mata kerana Allah jua," titah baginda.

Menurut baginda lagi kita perlu menoleh kẹ belakang dan merenung semula sama ada kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam telah pun benar-benar memikul tanggungjawab yang dibebankan dan juga telah berhasil mewujudkan kerjasama dan perpaduan yang erat dalam usaha kita untuk memajukan dan membangun negara yang sama-sama kita cintai ini.

TITAH PENUH DISIARKAN DI MUKA 2.
BERITA DAN GAMBAR-GAMBAR DISIARKAN DI MUKA 12 DAN 13.

### PETIKAN TITAH

**"Rakyat beta dan penduduk Negara Brunei Darussalam haruslah memberikan kerjasama sepenuhnya supaya pegawai-pegawai Kerajaan Beta yang ditugaskan akan dapat menyempurnakan tanggungjawab mereka dengan teratur dan sempurna."**

*Dititahkan sempena Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Kesyukuran di Dewan Kemasyarakatan, Temburong pada 20 Ogos, 1981 iaitu hari keputeraan baginda ke-35 tahun.*

## Kebawah DYMM utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Noboru Takeshita bersempena dengan pemilihannya sebagai Perdana Menteri Jepun.

Lihat muka 24

## Berarak bersama rakyat

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah berada di barisan hadapan perarakan raksasa Mauludun Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diraikan di ibu negara. Baginda telah bercemar duli berkenan mengepalai perarakan tersebut. (Lagi gambar-gambar di muka surat 12 dan 13).

### MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya. Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya." — Makna ayat 2 hingga 3 Surah Ash-Saff.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

11 NOVEMBER, 1987

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang*

## BERSATU PADU DALAM MEMBANGUN, MEMAJU DAN MEMPERTAHANKAN NEGARA

BERSATU padu dan bermuafakat adalah merupakan konsep-konsep asas dan nilai hidup dalam masyarakat yang perlu untuk terus didukung sepenuhnya dengan penuh kesedaran oleh setiap golongan rakyat dan penduduk negara ini, lebih-lebih lagi dalam arus dan suasana negara kita yang sedang membangun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di perhimpunan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di ibu negara minggu lalu mengajak rakyat dan penduduk merenung semula, apakah kita telah benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sedemikian bagi maksud kemajuan dan pembangunan itu.

Pembangunan merupakan suatu proses yang berterusan kepada negara dan masyarakat selagi tahap kemajuan dan perkembangan yang hendak dicapai masih jauh dan terus diperlukan untuk memenuhi nilai-nilai kesempurnaan dan kemakmuran rakyat.

Untuk menjangkau tahap-tahap itu, pembangunan tidak akan dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh negara andainya suasana yang wujud berada dalam keadaan tidak stabil dan perpaduan masyarakat dalam keadaan goncang dan tidak keruan. Justeru itu, untuk menjangkau matlamat pembangunan yang sempurna dan menjamin kestabilan dan ketahanan yang berterusan, negara memerlukan nilai-nilai permuafakatan dan perpaduan diwujudkan dalam masyarakat dan di kalangan rakyat.

Bagi menjamin semua asas berkenaan untuk dapat diamalkan dalam masyarakat, ajaran-ajaran agama Islam adalah merupakan sumber petunjuk yang jitu dan utama dalam melaksanakan urusan-urusan bernegara dan bermasyarakat. Kita sesungguhnya amat beruntung kerana telah menjadikan Islam sebagai landasan yang kukuh dan berjaya dalam usaha-usaha kita bersama menuju matlamat kehidupan yang sihat lagi sempurna. Jelasnya, majoriti rakyat dan penduduk negara ini adalah beragama Islam dan menjadikan Islam sebagai cara hidup bermasyarakat yang sebenar. Perkara ini diperkuatkan lagi dengan kedudukan dan peranan agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Bertulis 1959 dalam mana meletakkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai ketua negara dan ketua agama Islam.

Menurut baginda, rakyat dan penduduk negara ini perlulah mengambil iktibar dan inspirasi dari kekuatan iman dan kesempurnaan disiplin serta semangat bersatu padu yang telah ditunjukkan oleh umat Islam di zaman Baginda Rasulullah dalam suasana kita memperingati dan merayakan hari kelahiran Baginda yang kita rayakan setiap menjelangnya 12 Rabiulawal Hijrah.

Sejarah telah mencatatkan kejayaan-kejayaan cemerlang perjuangan Baginda Rasulullah dalam menegak dan menyebarkan keagungan agama Islam demi kesempurnaan akhlak manusia sejagat. Kita perlu menghayati intisari kebangkitan itu untuk kehidupan bernegara dan seharian kita sebagai bangsa Brunei Darussalam.

Kita amat menyedari betapa sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang kita rayakan itu memperlihatkan nilai-nilai kekuatan dan kepaduan kita sebagai umat Islam. Kita sesungguhnya telah dapat mengisi waktu di perhimpunan tersebut sebagai sumbangan kita yang penuh bererti dalam menegakkan syiar Islam. Islam sendiri menghendaki dan menuntut pengikutnya supaya terus memelihara dan menyemarakkan nilai-nilai positif lagi mulia dalam masyarakat. Jika kita ingin terus wujud sebagai umat yang berjaya, dihormati, selamat dan sentiasa mendapat rahmat dari Allah Subhanahu Wataala, sayugianyalah kita memelihara keimanan dan aqidah yang kuat, mewujudkan kerjasama dan perpaduan serta berdisiplin dan patuh kepada peraturan dan undang-undang negara.

Sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa dari keyakinan, kesungguhan dan kesetiaan kita memelihara dan mewujudkan perpaduan bermasyarakat yang berlandaskan unsur-unsur keislaman, negara kita telah terus dan berkeupayaan untuk bertahan serta mengekalkan identitinya sebagai sebuah negara Islam. Kita juga telah berjaya mewujudkan keamanan dan kestabilan di mana dengannya jua kita terus berkesempatan memperingati dan merayakan hari kelahiran junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam setiap tahun. Selawat dan salam kita ucapkan kepada Baginda, keluarga dan sahabat-sahabat Baginda yang jujur lagi setia.

### Bekerjasama, bersatu padu, berdisiplin serta patuh kepada undang-undang negara:

# INTISARI UTAMA WUJUD KESTABILAN NEGARA, KETAHANAN MASYARAKAT



***TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Perhimpunan dan perarakan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada 4 November, 1987.***

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

BERSYUKUR kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas segala nikmat dan rahmat-Nya, selawat serta salam kepada Nabi besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sekalian kaum keluarga, sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Beta mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita sekali lagi dapat berhimpun beramai-ramai di seluruh negara di hari yang bersejarah lagi penuh berkat ini kerana memperingati hari ulang tahun keputeraan junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perhimpunan yang penuh berkebajikan lagi berkat yang selalu kita adakan pada tiap-tiap tahun bukanlah semata-mata ditakrifkan bagi memperingati kelahiran seorang rasul Allah teragung yang membawa sinar keimanan dan kemerdekaan serta kesempurnaan penghidupan kepada manusia alam sejagat tetapi juga bertujuan untuk sentiasa memberikan ingatan di dalam kehidupan kita sehari-hari akan sikap-sikap terpuji dan teragung Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Perjuangan-perjuangan Baginda yang cekal dan gigih dalam menyebarkan dan menegakkan syiar Islam yang suci dan membentuk akhlak manusia yang sempurna dan juga untuk mengingati kembali akan keteguhan iman serta perpaduan dan kerjasama umat Islam di zaman Baginda yang begitu kuat dan kukuh di dalam menegakkan agama Allah dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Hendaknyalah rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa mengambil inspirasi dan iktibar daripada kekuatan iman dan kesempurnaan disiplin serta semangat bersatu padu yang ditunjukkan oleh umat Islam di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam hal-hal kenegaraan dan kehidupan kita sehari-hari sebagai masyarakat Brunei.

Sempena Hari Keputeraan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini kita juga hendaklah menoleh ke belakang dan merenung semula sama ada kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam telah pun benar-benar memikul tanggungjawab yang dibebankan dan juga telah berhasil mewujudkan kerjasama dan perpaduan yang erat dalam usaha kita untuk memajukan dan membangun negara yang sama-sama kita cintai ini. Sebagaimana kita sedia maklum di samping keimanan dan akidah yang kuat, bekerjasama, bersatu padu dan sentiasa berdisiplin serta patuh kepada peraturan-peraturan dan undang-undang negara adalah merupakan intisari utama di dalam mewujudkan kestabilan negara dan ketahanan masyarakat.

Menyedari pada hakikat pentingnya bersatu padu dan bermuafakat di dalam membangun negara maka ianya selalu disarankan di dalam tema sambutan-sambutan perayaan yang tidak terkecuali di dalam perhimpunan kita pada pagi ini bersempena dengan hari keputeraan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana temanya adalah "Bersatu Ke Arah Kemanan dan Kemajuan." Tema ini tidak akan mempunyai makna sekiranya ianya tidak dipraktikkan dan dihayati oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Sempena hari yang penuh berkat ini beta mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini supaya akan sama-sama tampil memberikan kerjasama dan sentiasa bersatu padu di dalam usaha kita untuk membangun dan memajukan serta mempertahankan negara kita yang sama-sama kita cintai ini dengan melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan kepada kita itu dengan penuh dedikasi dan semata-mata kerana Allah jua.

Akhirnya beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa yang mengendalikan sambutan ini dan juga segenap lapisan rakyat dan penduduk yang mengambil bahagian di dalamnya. Dan beta berdoa semoga perbuatan yang berkebajikan yang kita lakukan ini akan menerima ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wataala.

***HENDAKNYALAH rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa mengambil inspirasi dan iktibar daripada kekuatan iman dan kesempurnaan disiplin serta semangat bersatu padu yang ditunjukkan oleh umat Islam di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam hal-hal kenegaraan dan kehidupan kita sehari-hari sebagai masyarakat Brunei.***



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai beserta dengan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee, Pentadbir Kapal Belia Asia Tenggara dan ketua-ketua delegasi dari negara-negara ASEAN.

## Kebawah DYMM menerima mengadap Ketua-ketua Delegasi Kapal Belia Asia Tenggara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima cenderamata yang disembahkan oleh Awang Shinchi Kuyama, Pentadbir Kapal Belia Asia Tenggara.

# PERSEFAHAMAN DI KALANGAN BELIA PERLU DIPELIHARA

Oleh Dk. Fatimah PHMN
Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

MUARA. — Masa depan sebuah masyarakat dan kejayaan generasi akan datang adalah tertumpu sepenuhnya kepada bagaimana generasi masa kini memelihara serta menjaga belia-belianya.

Untuk maksud itu adalah penting bagi kita memelihara saluran komunikasi yang berkesan dan persefahaman yang baik. Demikian ingatan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad selaku wakil peribadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika berucap di majlis sambutan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun 1987 ke Negara Brunei Darussalam di sini pada 4 November lalu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima cenderamata yang disembahkan oleh Ketua Delegasi Malaysia, Awang Md. Olan bin Haji Burhan (atas) dan Ketua Delegasi Filipina, Dayang Edna Amor Bello (bawah).



Tetamu kehormat juga berkata, "generation gap" bukanlah hanya topik yang patut dibincangkan oleh para psikologi dan sosialogi, akan tetapi ia juga berkepentingan bagi penggubalan perkembangan ekonomi, sosial, kestabilan politik dan keamanan sesebuah negara. Jadi perkara ini haruslah diambil perhatian sebagai tugas yang penting bagi polisi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan menyediakan kayu ukuran yang praktikal untuk perancangan dan penguatkuasaan agar tidak timbul "jurang generasi".

Oleh itu tegas beliau usaha-usaha kita ke arah mencapai hasrat tersebut perlulah selari dengan tindakan kita di mana kita mestilah mengutamakan keperluan para belia dalam perancangan dasar sosial dan ekonomi dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Umpamanya memberikan kesempatan di bidang pelajaran, menyediakan institusi yang bersesuaian untuk para belia ikut serta dalam pembangunan ekonomi dan sosial dan peruntukan bagi memperkembangkan kebudayaan.

Di Negara Brunei Darussalam pula katanya, kita sangat beruntung bahawa menerusi kepimpinan yang gigih daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam perkara tersebut telah diambil perhatian dan diberikan keutamaan yang berterusan.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan juga tidak menafikan program Kapal Belia yang dikendalikan dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Jepun dengan kerjasama dan penyertaan aktif dari negara-negara peserta telah dapat meningkatkan dan mengeratkan hubungan persahabatan dan persefahaman di kalangan belia di rantau ini.

'Oleh itu adalah bersesuaian saya mengucapkan terima kasih bagi pihak kerajaan dan belia di negara ini kepada Kerajaan Jepun atas sokongan dan budi baik yang diberikan kepada peserta-peserta negara ini," tegas beliau.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalam-salaman dengan Ketua Delegasi Thailand, Awang Anothai Udomhilp.

# Jaga maruah, keperibadian bangsa

PELABUHAN MUARA. — Pegawai Pentadbir Kanan yang menjalankan tugas-tugas Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Alauddin menyarankan supaya para peserta di negara ini akan menjaga maruah dan keperibadian bangsa yang mempunyai kebudayaan dan adat istiadat yang tersendiri kerana identiti negara patut ditonjolkan ke mana sahaja kita berada.

"Melalui kesempatan seperti inilah para peserta harus pergunakan dalam memperkenalkan negara ini dengan lebih berkesan di kalangan berbagai masyarakat di rantau ini," katanya.

Pengiran Haji Alauddin juga berharap, lawatan seperti ini setentunya akan memberikan pengalaman dan pengetahuan untuk dijadikan bahan dalam usaha negara-negara yang terlibat untuk mewujudkan dunia sebelah sini sebagai rantau yang aman dan harmoni sesuai dengan konsep pelancaran program ini.

Semuanya tambahnya, akan lebih bermakna dalam memainkan peranan di negara masing-masing sama ada dalam "capacity" sebagai pemimpin ataupun kedudukan di mana dapat menyumbangkan fikiran ke arah matlamat tersebut.

"Saya percaya usahà-usaha yang berkebajikan ini tidak akan disia-siakan begitu sahaja malah dapat dihayati sepenuh jiwa bagi kesejahteraan generasi kita di masa-masa akan datang," katanya.

Pg. Haji Alauddin berkata demikian ketika majlis perpisahan Kapal Belia Asia Tenggara 1987 di sini pada 8 Oktober lepas.

"Saya berharap awda sekalian, khususnya Negara Brunei Darussalam sendiri akan lebih mempertingkatkan dan menyebarkan di kalangan masyarakat negara awda apabila pulang ke negara masing-masing untuk menghindar atau membetulkan kekeliruan yang mungkin ada sebelum ini," katanya.

Seramai 250 belia ASEAN dan Jepun menyertai rancangan ini.

Ketibaan Kapal Nippon Maru ke negara ini telah dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, dengan kerjasama bekas peserta-peserta Kapal Belia Asia Tenggara (PERSATUAN BERSATU).

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-406

# SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

**Bahagian keenam belas**

PERKARA Naasibiyyah (bencikan Sayidina Ali dan Ahlil Bait) oleh Ibnu Khaldun telah disebutkan oleh Nazratu 'Aabirah dan Adhdhaul Laami'un dan Al-Muhaddithu As-Siddiq dan lain-lain.

Telah timbul pada zaman yang akhir-akhir ini Naasibiyyah daripada penulis-penulis Tarikh Islam dan kepala mereka ialah Ash-Shaikh Muhammad Al-Khudhari Bak pengarang Itmaamul Wafaaei Fii Siiratil Khulafaa' dan lain-lain dan perkataannya telah dibidas oleh pengarang Al-Hasan Wal-Hussin iaitu Al-Ustaz Muhammad Redha dan diingatkan oleh Al-Allamah As-Syed 'Alwi bin Tahir Al-Haddad Mufti Johor akan bawaan Naasibiyyah Muhammad Al-Khudhari Bak.

Al-Imam At-Taajus Subki telah menulis dalam perkara Qaa-idatu fil Jarhi Watta'diil dan Qaa'idatu fiil Muarrikhiin dan disiarkan oleh Al-Ustaz Abdul Fattah Abu Ghuddah di akhir kitab Ar-Raf'u Wattakmil Fil Jarhi Watta'dil Lish-Shaikh Abdul Hai Al-Kauthari dan dalam suatu risalah kecil dijual di Bairut dan Al-Madinah.

Adapun Shaikhuna Ash-Shinqiti Rahimahullah dalam kitabnya Al-Muqni' telah menyebutkan tawatir hadis Al-Imam Al-Mahdi dan kitab-kitab ulama Islam dan Shinqit (Moritania) pada menerangkan perkara Al-Imam Al-Mahdi dan hadis-hadis yang menerangkan batang tubuh Al-Imam Al-Mahdi dan kitab-kitab hadis yang berkenaan dengannya dan katanya: Ibnu Khaldun dalam mukaddimah tarikhnya telah berusaha mengatakan hadis-hadis perkara Al-Imam Al-Mahdi itu dhaif dengan sedaya upayanya, walaupun begitu ia tiada dapat mencacatkan hadis-hadis itu melainkan setengah-setengah hadis, tiada pada semuanya dan kebanyakan cacat dan tegurannya itu tiada dapat diterima dan jikalau kita terima cacatnya itu, maka hadis Al-Imam Al-Mahdi lebih banyak dari apa yang disebutkannya itu dan hadis-hadis itu mutawatir yang mewajibkan sah dan benar hadis-hadis itu.

Al-Allamah Mufti Johor As-Syed 'Alwi bin Tahir Al-Haddad Rahimahullah telah menyebutkan dengan luas akan perkara Nassibiyyah itu dalam kitabnya Al-Qaulul Faslu dalam Bahasa Arab 2 penggal tebal. Disiarkan di Tanah Jawa pada tahun 1343 Hijrah. Dan Al-Allamah Ibnu Taimiyyah adalah terbabit dalam Al-Minhaaj kitabnya dalam perkara Naasibiyyah yang menjadi sandaran setengah-setengah orang Naasibiyyah sebagaimana dalam Al-Qaulul Faslu.

Berkata Al-Imam At-Tahaawi dalam Al-'Aqiidatut Tahaawiyyah: Barangsiapa berkata baik pada sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan pada isteri-isteri Baginda yang suci dari segala cemar dan pada zuriat-zuriat Baginda yang bersih dari segala kotor, nescaya ia selamat dari sifat nifaq.

Berkata Al-Imam At-Taajus Subki yang meninggal tahun 771 Hijrah: Al-'Aqiidatut Tahaawiyyah itu cukup bagi mengetahui Akidah Ahli As-Sunnah sebagaimana katanya lebih kurang dalam kitabnya Mu'iidun Ni'am.

Berkata pengarang Jauharatut Tauhidi Ibrahim Al-Laqqaani yang meninggal tahun 1041 Hijrah: Kamu takwilkan apa pertengkaran yang berlaku di antara sahabat-sahabat Rasulullah jika kiranya kamu berkata-kata padanya dan jauhilah kamu akan penyakit hasad yakni berat sebelah.

Berkata Al-Imam Al-Allamah Ibnu Raslan yang meninggal tahun 844 Hijrah dalam Az-Zubad: Apa yang berlaku di antara sahabat-sahabat Rasulullah kita tutup mulut dan kita sabitkan pahala ijtihad pada mereka.

Al-Quran Al-Karim memuji sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berkata baik pada sahabat-sahabat itu dan menegah dari menegur dan mencacat mereka. Amal ibadat dan derma serta sedekah mereka tiadalah dapat orang-orang Islam yang lain menanding dan menyamainya Radhiallahu Anhum Ajma'in. Ini adalah 'Akidah Ahli As-Sunnah Wal-Jemaah.

Al-Muhaddithu Al-Muhaddithu pengarang 'Aunul Ma'buudi Syarhu Sunani Abi Daud dan pengarang Tuhfatul Ahwaziyyi Sya'hu Jaami'eit Tatmidzi telah menyebutkan Al-Allamah Ibnu Khaldun dan keduanya berkata Ibnu Khaldun itu telah salah pendapat pada mengatakan hadis-hadis semua Al-Imam Al-Mahdi itu dhaif, ketika keduanya mensyarahkan perkara Al-Imam Al-Mahdi dalam dua kitab hadis itu.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

## Pertandingan membaca Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan membaca Al-Quran peringkat akhir dewasa bagi Daerah Brunei dan Muara akan diadakan pada akhir bulan Disember depan.

Sementara itu, peringkat saringan akan diadakan selama empat hari berturut-turut pada 7,8,9 dan 10 Disember depan bertempat di bangunan tambahan Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara bermula dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi, 2.00 hingga 4.00 petang.

Borang-borang untuk memasuki pertandingan boleh didapati sekarang daripada Pejabat Kadi Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa waktu bekerja.

Borang yang telah diisikan hendaklah dikembalikan kepada Pejabat Kadi Daerah Brunei dan Muara tidak lewat dari 21 November, 1987 jam 4.00 petang. Borang-borang yang lewat dihantar dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.

## 250 murid terpilih ke Sekolah Arab

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 200 orang murid, 100 daripadanya murid-murid perempuan telah terpilih memasuki Kelas Persediaan Sekolah Menengah Arab bagi tahun 1988.

Mereka adalah dari 2,860 orang calon yang menduduki peperiksaan calon ke Sekolah Arab yang diadakan serentak di seluruh negara pada 9 Ogos, 1987.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 11 November, hingga ke hari Selasa 17 November, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

| *HARI BULAN* | *ZUHUR* | | *ASAR* | | *MAGHRIB* | | *ISYAK* | | *IMSAK* | *SUBUH* | | *MATAHARI TERBIT* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | | *Mulai* | *Berakhir* | |
| **November** | | | | | | | | | | | | |
| 11 | 12.07 | 3.26 | 3.27 | 6.01 | 6.02 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.06 | 6.07 |
| 12 | 12.07 | 3.26 | 3.27 | 6.01 | 6.02 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.06 | 6.07 |
| 13 | 12.07 | 3.26 | 3.27 | 6.01 | 6.02 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.07 | 6.08 |
| 14 | 12.07 | 3.26 | 3.27 | 6.01 | 6.02 | 7.13 | 7.14 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.07 | 6.08 |
| 15 | 12.07 | 3.27 | 3.28 | 6.01 | 6.02 | 7.14 | 7.15 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.07 | 6.08 |
| 16 | 12.07 | 3.27 | 3.28 | 6.01 | 6.02 | 7.14 | 7.15 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.07 | 6.08 |
| 17 | 12.07 | 3.27 | 3.28 | 6.01 | 6.02 | 7.14 | 7.15 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.08 | 6.09 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



TIMBALAN Menteri Pelajaran, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat dan beberapa orang pegawai kanan di Kementerian Pelajaran ketika menghadiri sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pusar Ulak baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

## SAMBUTAN MAULUD

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Pelajaran telah mengadakan majlis ceramah dan acara-acara bercorak keagamaan bersempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pusar Ulak di sini pada hari Sabtu 7 November lepas.

Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pelajaran, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Majlis tersebut didahului dengan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Pengerusi Majlis, Awang Muhammad bin Ismail yang antara lain berucap, "Majlis ini bertujuan supaya kita dapat bersama-sama meningkatkan sikap beragama di kalangan kita, sambil memperingati perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan supaya kita sama-sama memeriahkan dan menghormati bulan kelahiran junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang telah dibuat oleh seluruh umat Islam di dunia dan seterusnya supaya kita dapat merapatkan hubungan mesra dan silaturahim di antara kakitangan dan pegawai-pegawai di bawah Kementerian Pelajaran sesuai dengan ajaran dan sunah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Berbagai-bagai persembahan seperti bacaan rawi, bacaan ayat lazim dan persembahan Nasyid oleh penuntut-penuntut sekolah untuk memeriahkan majlis itu dan tidak ketinggalan ceramah khas yang disampaikan oleh Ustaz Zainal Ariffin bin Haji Serbini dari Pusat Dakwah Islamiah.

# SIFAT DAN KEPERIBADIAN RASULULLAH CONTOH YANG BAIK DALAM KEPIMPINAN




**MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.**

Firman Allah Taala di dalam Al-Quran dalam surah Ali-Emran ayat 159 yang bermaksud:

*"Dengan rahmat Tuhan engkau bersikap lemah-lembut terhadap mereka dan seandainya engkau bersikap kasar dan berhati bengis tentulah mereka akan lari dari keliling engkau. Oleh itu maafkanlah kesalahan mereka dan mohonkanlah keampunan untuk mereka. Adakanlah mesyuarat dengan mereka dalam beberapa urusan, dan bila engkau telah mempunyai keputusan yang tetap, serahkanlah dirimu kepada Tuhan, sesungguhnya Tuhan menyukai orang-orang yang berserah diri."*

Ayat ini diturunkan ialah kerana peristiwa pahit yang dialami oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam peperangan Uhud. Seperti diketahui dalam peperangan Uhud itu, walaupun kaum Muslimin pada detik-detik yang terakhir masih dapat merebut kemenangan, tetapi malangnya didahului dengan saat-saat yang mencemaskan. Hampir 300 dari 1,000 perajurit-perajurit yang bertempur ialah terdiri dari golongan munafik yang melakukan pengkhianatan dan sebahagiannya yang lain pula terdiri dari mereka yang lemah lututnya lantaran terpengaruh kepada harta rampasan. Sikap yang demikian sudah seharusnya diambil tindakan-tindakan disiplin ke atas mereka. Akan tetapi Tuhan memerintah secara khusus kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam supaya berlapang dada menghadapi peristiwa-peristiwa yang telah mengecewakan itu dengan menunjukkan sikap sebagai seorang bapa yang mengandungi lima sifat dan keperibadian seperti yang diterangkan pada ayat tadi. Sifat yang lima itu ialah:

**Pertama:** Lemah-lembut. Sifat lemah-lembut ini tidak sama dengan sifat lemah, sebab sifat lemah bererti tidak berkemampuan atau tidak berdaya berbuat sesuatu. Sedang sifat lemah-lembut itu timbul kerana kelebihan atau keutamaan yang terdapat dalam diri seseorang. Sifat lemah-lembut itu mempunyai daya penarik yang sungguh baik, dapat merapatkan yang renggang dan mendatangkan yang jauh, dapat melunakkan hati yang keras kesat dan boleh menunjukkan manusia yang kasar ganas, meramaikan kawan, mengurangkan bilangan lawan. Tidak pula berlemah-lembut hingga kepala dipijak dan tidak menurut sewenang-wenang kehendak yang berlawanan dengan prinsip. Sikap yang demikian merupakan salah satu sikap yang dimiliki oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam Al-Quran, Muhammad Rasulullah dan pengikut-pengikut Baginda bersikap tegas terhadap orang-orang yang engkar dan bersikap kasih sayang (lemah-lembut) terhadap sesama orang-orang yang beriman. (Surah Al-Fattah ayat 29).

**Kedua:** Jangan berlaku bengis. Rasulullah diperintahkan Tuhan supaya jangan bersikap bengis. Sikap bengis itu lahirnya dari hati yang buruk, jiwa yang kusut yang membantu seluruh kehidupan menjadi gelap-gelita. Jika seorang pemimpin umpamanya berhati busuk dan berjiwa kesat maka dia akan bertindak bengis dan kejam, melakukan perbuatan menurut sekehendak hatinya. Natijahnya, kawan akan renggang serta menjauhkan diri, bilangan sahabat handai berkurangan, bilangan musuh bertambah dari sehari ke sehari.

**Ketiga :** ialah pemaaf. Baginda bukan seorang pendendam dan sekali-kali tidak pernah melakukan tindakan balas walaupun Baginda berpeluang melakukan tindakan menurut apa yang dikehendakinya. Sikap demikian jelas ditunjukkan oleh sejarah ketika Baginda sudah dapat berbuat dan menguasai Kota Mekah kembali. Pada waktu ini terdapat ramai musuh-musuh yang melakukan kekejaman terhadap kaum Muslimin masih lagi hidup seperti Safwan bin Ummayah, Ukramah (anak Abu Jahal), Hindun isteri Abu Sufian. Tetapi Baginda memberi kemaafan terhadap tindakan-tindakan kejam yang pernah dilakukan oleh mereka. Orang yang berbuat kejahatan terhadap Baginda atau pengikut-pengikutnya selalu Baginda memohonkan doa, "Ya Allah ampunilah kaumku, sebab mereka lakukan perbuatan dosa itu semata-mata kerana tidak tahu."

**Keempat :** Rasulullah sentiasa menunjukkan sikapnya sebagai seorang pemimpin yang menjalankan dasar demokrasi di mana Baginda bermesyuarat dalam berbagai urusan keduniaan, kehidupan, peperangan dan sebagainya, Baginda sentiasa meminta fikiran-fikiran dan pertimbangan-pertimbangan dari para sahabat. Kecuali dalam soal-soal ibadat atau lainnya yang sudah ada ketentuannya menurut nas. Dalam hubungan ini Baginda pernah menyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad yang bermaksud: Hal-hal yang berkenaan dengan urusan agama terserahlah kepada aku dan hal-hal yang berkenaan dengan urusan duniamu, kamulah yang lebih mengetahui.

**Kelima :** ialah tawakal. Ertinya, dalam segala hal dan tindakan pada peringkat terakhir, hendaklah berserah diri kepada Allah. Kita sebutkan peringkat terakhir ialah kerana ayat tersebut didahului dengan suatu ketentuan, iaitu harus menjalankan segala ikhtiar terlebih dahulu. Apabila segala ikhtiar sudah dilakukan barulah berserah diri kepada Allah. Al-Imam Al-Ghazali merumuskan definasi tawakal itu sebagai sesuatu kepentingan, bersandar kepadanya dalam waktu kesukaran, teguh hati tatkala ditimpa bencana, mempunyai jiwa yang tenang dan hati yang kuat.

Demikianlah sebahagian dari keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang dibentangkan dalam satu rangkaian ayat dalam Al-Quran. Sifat-sifat itu haruslah dimiliki oleh setiap umatnya dalam segala kedudukan, setiap waktu dan ketika, baik sebagai rakyat biasa, mahupun sebagai pemimpin umat, pemimpin negara dan sebagainya.

## Jangan berlaku bakhil terhadap ibu bapa

Menuju Keredaan Allah

JASA kedua ibu bapa dalam mendidik dan memelihara anak-anaknya amatlah besar dan tidaklah akan terdaya seorang anak itu untuk membalas jasa orang tuanya meskipun bagaimana ia berbakti untuk membalas jasa-jasa itu. Dari semenjak kecil hinggalah dewasa, anak-anak dipelihara dan dididik, diasuh dengan sebaik-baik asuhan, dengan harapan agar anak-anak itu kelak akan menjadi manusia yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia. Berbagai-bagai usaha telah dilakukan bagi menunaikan tanggungjawab mereka. Sebagai ibu dan bapa, kedua-duanya mengambil peranan utama dalam memelihara dan menjaga keselamatan anak-anaknya.

Demi kebahagiaan anak-anak, ibu bapa tidak menghiraukan berapa penat dan lelahnya mereka membanting tulang di panas matahari yang terik atau sekurang-kurangnya mereka berusaha untuk membesarkan anak-anak mereka. Pengorbanan ibu bapa tidak pernah diperhitungkan dan tidak pernah mereka pinta agar jasa mereka itu dibalas kemudian hari. Sakit demam si anak, makan minum, persekolahan dan pendidikan mereka mendapat perhatian dari ibu bapa. Oleh yang demikian apakah layak jasa besar mereka itu dilupakan oleh anak-anak, apakah wajar kebaikan mereka dibalas dengan kejahatan?

Dari contoh-contoh yang disebutkan tadi sewajarnyalah kita setiap anak-anak itu menghormati kedua ibu bapa mereka, berlemah-lembut, baik dari segi perkataan mahupun perbuatan; bermanis muka dan menurut segala suruhannya selagi suruhan mereka itu tidak bertentangan dengan agama kita.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud: "Barangsiapa yang membuat ibu bapanya gembira, maka sesungguhnya Allah akan menggembirakannya. Barangsiapa yang menyakitkan hati ibu bapanya, maka sesungguhnya Allah membencinya."

Berdasarkan maksud hadis di atas, maka adalah menjadi kewajipan seseorang anak itu untuk menggembirakan dan menghiburkan hati kedua orang tuanya agar mereka sentiasa gembira dan berbahagia di waktu hayat mereka, lebih-lebih lagi kedua ibu bapa itu sudah tua. Peliharalah mereka dengan baik dan sempurna. Janganlah berlaku bakhil terhadap mereka. Sebaliknya doakan mereka selalu kerana orang yang tidak pernah mendoakan kesejahteraan ke atas kedua ibu bapa mereka adalah dianggap anak yang bakhil dan derhaka.

Dengan cara mendoakan keduanya juga merupakan sebagai satu tanda bakti kepada ibu bapa. Maka sekurang-kurangnya doa yang dilafazkan untuk ibu bapa ialah sebagaimana firman Allah yang bermaksud: "Hai Tuhanku berilah rahmat kepada kedua ibu bapaku, sebagaimana keduanya telah mendidik aku semasa kecilku."

Mudah-mudahan dengan doa yang ringkas tetapi berkat itu ibu bapa akan mendapat rahmat di dunia dan di akhirat, manakala kita pula akan tergolong ke dalam golongan anak-anak yang salih.



## Memeluk Islam

SATU lagi majlis pengislaman telah dilangsungkan di Kampong Saba Tengah. Majlis itu adalah bagi Dayang Kuielan Anak Tedong, seorang gadis berbangsa Iban yang berasal dari Ulu Belait. Dia memeluk agama Islam di hadapan Dayang Normah binti Kassim, Pembantu Perkembangan Agama dan memilih nama Islamnya sebagai Dayang Norasmadinah binti Abdullah. Majlis tersebut telah diserikan dengan zikir marhaban (gambar kiri). — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama.



KETUA Kewangan Syarikat Pemasaran Brunei Shell, Awang Mohd. Jaafar bin Haji Besar menyampaikan hadiah beserta Sijil Kepujian kepada salah seorang murid yang mempunyai kecemerlangan di bidang pelajaran. — Gambar oleh Harun Rashid.

# NEGARA BERKEHENDAKKAN ANAK TEMPATAN YANG MAHIR

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar

BANGAR. — Untuk membangun dan meninggikan taraf ekonomi dan sosial masyarakat, negara masa kini terus berkehendakkan tenaga mahir yang terdiri dari anak-anak tempatan.

Ke arah itu segala bentuk pelajaran yang diikuti oleh murid-murid merupakan satu pelaburan yang diharapkan akan dapat membuahkan hasil yang menepati dengan kehendak negara dan rakyat pada keseluruhannya.

Berucap di majlis penyampaian hadiah-hadiah Kepujian Shell bagi Sekolah-sekolah Rendah Daerah Temburong yang berlangsung di Sekolah Rendah Sultan Hassan di sini pada 7 November lepas, Ketua Syarikat Pemasaran Brunei Shell, Awang Mohd. Jaafar seterusnya menyeru supaya murid-murid akan terus meningkatkan usaha dan menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap mata-mata pelajaran yang dipelajari di sekolah-sekolah.

"Seterusnya saya menggesa supaya murid-murid akan menggunakan dengan sepenuhnya peluang-peluang yang disediakan di negara ini dalam bidang pelajaran," tambah beliau.

Di samping itu beliau juga mengingatkan murid-murid agar tidak sekali-kali terpengaruh dengan gejala-gejala yang tidak sihat seperti penagihan najis dadah dan menjadi si pugut perosak harta benda kerajaan.

Menyentuh mengenai penyampaian hadiah-hadiah kepujian tersebut, Awang Mohd. Jaafar berkata ianya adalah melambangkan hasrat Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad pada memberikan sokongan yang berterusan kepada usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memperkembang dan memajukan bidang pelajaran di negara ini.

"Di samping itu juga pemberian hadiah kepujian tersebut dapatlah dianggap sebagai satu penghargaan dari Syarikat Minyak Shell Brunei atas kejayaan akademik murid-murid yang mana seterusnya diharapkan akan dapat memberikan galakan dan dorongan untuk terus berjaya di bidang pelajaran masing-masing," ujarnya.

Seramai 46 orang murid-murid dari 14 buah sekolah rendah kerajaan termasuk sebuah sekolah Tionghua menerima hadiah kepujian pada hari itu.

Hadiah-hadiah kepujian Shell diberikan kepada murid-murid antara lain berdasarkan kepada pencapaian kemajuan pelajaran, kelakuan dan disiplin serta kebolehan dalam lain-lain aktiviti.



SEBAHAGIAN daripada jemputan yang hadir di majlis penyampaian Hadiah-hadiah Kepujian Shell bagi Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Temburong. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Termasuk perahu-perahu tambang

# 593 buah perahu masih belum berlesen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejumlah 60 buah kapal telah berdaftar, dengan jumlah muatan 381,531 tan dan 133 buah perahu-perahu juga telah dilesenkan setakat ini.

Akan tetapi adalah dianggarkan bahawa terdapat sejumlah 593 buah perahu yang kini digunakan di sekitar perairan negara ini, iaitu termasuk perahu-perahu tambang .yang perlu untuk dilesenkan.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu berkata ke arah mengatasi perkara tersebut Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengungkayahkan berbagai-bagai usaha iaitu dengan menguatkuasakan beberapa bahagian Akta Perkapalan Perdagangan demi untuk mewujudkan satu sistem yang teratur dan terkawal.

Bercakap ketika merasmikan mesyuarat pertama Lembaga Melesen Perkapalan Perdagangan di Ibu Pejabat, Jabatan Laut di sini pada 2 November lalu, Dato Paduka Awang Haji Chuchu juga berharap semoga lembaga tersebut akan dapat memberikan sumbangan yang positif ke arah mencapai cita-cita dan hasrat kerajaan.

Lembaga Melesen Perkapalan Perdagangan yang baru ditubuhkan ini, antara lain berperanan untuk menimbangkan setiap permohonan bagi mengadakan perusahaan pengangkutan di air, menentukan jumlah kapal/perahu yang akan digunakan dan mengenakan syarat-syarat mengenai jenis-jenis kapal yang boleh digunakan yang berasaskan keperluan cadangan-cadangan dan apa-apa jua pandangan dari jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan.

Di samping itu ianya juga untuk menentukan bayaran-bayaran yang akan dikenakan bagi perkhidmatan yang diberikan dan mencari jalan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang harus timbul dari perusahaan ini.

Lembaga ini bertanggungjawab secara langsung kepada Yang Berhormat, Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam dan ianya dipengerusikan oleh Yang Mulia Pengarah Laut dan ahli-ahli yang terdiri daripada beberapa orang pegawai kanan kerajaan dan orang awam yang dilantik.

# Peraduan berzanji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kampong Saba (PERKASA) akan mengadakan peraduan berzanji peringkat akhir antara persatuan-persatuan belia di Daerah Brunei dan Muara pada 15 November ini jam 1.30 petang bertempat di Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Kampong Saba.

Pertandingan tersebut adalah bersempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan semua penduduk-penduduk Mukim Saba dan sekitarnya dialu-alukan menghadiri sambutan tersebut.




## Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah bermula pada 3 November, 1987.

**BANDAR SERI BEGAWAN — 2085**

1) Mee Suah (Cap Orang Merah) 120g sebungkus 50 sen.
   a) Thye Seng Dept. Store B1 Jalan Robert. No. 31, Jalan Sultan.
   b) Kedai Chop Hen Long
2) Sos Tiram (Cap Orang) 1 lb sebotol $2.00.
   a) Kedai Thye Seng Dept. Store B1 Jalan Robert.
3) Serbuk Kari (Cap Tangan) 250g satu $1.80.
   a) Kedai Chop Ken Ken No. B2 Jalan Robert.

**TUTONG — 5082.**

1) Mee Suah (Cap Orang Merah) 120g sebungkus 50 sen.
   a) Chop Tong Huat No. 17 Jalan Enche Awang.
2) Sos Tiram (Cap Orang) 1 lb sebotol $2.00.
   a) Chop Hoe Hing No. 4 Jalan Enche Awang
3) Serbuk Kari (Cap Tangan) 250g satu $1.90.
   a) Kedai Soo Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.

**SERIA — 7087**

1) Mee Suah (Cap Orang Merah) 120g sebungkus 45 sen.
   a) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
2) Sos Tiram (Cap Orang) 1 lb sebotol $2.40.
   a) Kedai Chop Nam Wah No. 64, Jalan Bunga Kenanga.
   b) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
3) Serbuk Kari (Cap Tangan) 250g satu $1.80.
   a) Kedai Choo Heng and Company No. 30 Jalan Sultan Omarali.

**KUALA BELAIT — 6083**

1) Mee Suah (Cap Orang Merah) 120g sebungkus 45 sen.
   a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45 Jalan Pretty.
2) Sos Tiram (Cap Orang) 1 lb sebotol $2.00.
   a) Kedai Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty.
   b) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.
3) Serbuk Kari (Cap Tangan) 250g satu $1.80.
   a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45, Jalan Pretty.

# KURSUS-KURSUS YANG DIIKUTI PERLU DILADANI

KUMBANG PASANG. — Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak berkata, kursus-kursus yang diadakan tidak dapat dinilai keberkesanannya andainya tidak diladani oleh langkah-langkah penerusan yang positif dan aktif.

Langkah-langkah yang positif itu menurut Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran ialah 'Emplimintasi Ilmu' yang dipelajari dan disalurkan kepada sasaran yang tepat kepada 'Audience' nya.

Ke arah mencapai matlamat itu ujarnya memerlukan sikap yang tidak mudah jemu, yang lebih memberatkan untung nasib anak-anak yang dididik dan ingin melihat satu generasi yang berilmu dan berpengalaman.

Berucap di majlis penutup Kursus Perubahan Organisasi bagi meningkatkan produktivi Penubuhan Kumpulan, di Unit Latihan Perjawatan di sini Khamis lepas, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak seterusnya mengingatkan kepada peserta kursus supaya terus bergiat menggunakan inisiatif dan ilmu pengetahuan yang diperolehi itu demi meningkatkan mutu pengurusan dan pendidikan di negara ini.

Seramai 24 orang peserta kursus telah menerima sijil di majlis itu yang juga telah disampaikan oleh Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak.

Kursus selama empat hari yang bermula pada 2 November itu anjuran Pusat Latihan Perjawatan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan ianya telah dikendalikan oleh Peter Blunt dari Universiti Brunei Darussalam dan David Richards dari Institute Teknologi Brunei.

# Peserta luar tertarik sikap masyarakat Brunei

AIR dicincang takkan putus, begitulah adat kita bersaudara di mana-mana pun kita berada, namun kaitan persaudaraan akan tetap kukuh, dan terus ingat dalam ingatan.

Begitulah juga bagi diri kita walau tidak mempunyai ikatan persaudaraan dengan orang lain selain daripada saudara-mara kita namun ikatan sesama manusia adalah diharuskan dan patutlah dikukuhkan selagi kita ingin membina kedamaian dan hidup dalam keharmonian.

Bagaimana dengan saudara-saudara kita yang jauh di mata khususnya yang berada di negara-negara ASEAN dan Jepun, sudahkah atau bersediakah kita menjalinkan ikatan yang murni itu? Ya, ikatan persaudaraan sudah lama terjalin sama ada melalui lawatan pembesar-pembesar negara ke luar negeri, lawatan muhibah dan sukan persahabatan. Lebih-lebih lagi sejak negara kita menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara NIPPON MARU pada tahun 1984.

Ikatan persaudaraan itu kini lebih terjalin melalui rancangan keluarga angkat yang merupakan rancangan yang menarik perhatian dan minat di kalangan kitani orang-orang Brunei.

Ini memandangkan ketulusan budi bicara orang-orang Brunei dengan kemanisan dan senyuman menerima sesiapa sahaja yang datang ke rumah pasti menerima layanan yang baik. Awang Patcharapakorn Debakula, 28 tahun dari Thailand melahirkan rasa kegembiraan dan kesyukuran atas layanan yang baik dari keluarga Hajah Siti Sara binti Awang Hitam dan anak-anaknya.

Awang Patcharapakorn merasa begitu tenteram tinggal di negara ini walaupun singkat masanya. Katanya masyarakat Brunei begitu peramah dan mudah mesra. Dan beliau juga tertarik dengan sikap masyarakat yang hidup tolong-menolong dan dengan sendirinya semangat kejiranan itu dapat dipupuk dan dikekalkan.

Pada mulanya, Awang Patcharapakorn begitu kaku (galat) apabila bergaul dengan masyarakat Brunei tetapi akhirnya beliau dapat menyesuaikan diri setelah menerima layanan yang baik dan cukup dari keluarga angkat berkenaan.

Semasa menjadi anak angkat kepada Haji Taha



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussein bersama jemputan-jemputan khas di majlis meraikan peserta-peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 1987.

Oleh Dk. Fatimah PHMN
Gambar-gambar oleh Haji Sharbini Taha, Rabaee Haji Sabli, Pg. Abu Bakar PHO, Pg. Haji Yaakub, Pg. Bahar PHO dan Harun Rashid.




SELAMAT belayar dan semoga panjang umur jumpa lagi kepada para peserta Kapal Belia Asia Tenggara 1987 dari ayah dan ibu, kakak, serta abang dan adik di Brunei.

Awang Patcharapakorn tidak mengalami kesulitan baik dari segi pertuturan mahupun pergaulan kata salah seorang anak kepada Hajah Siti Sara, Awang Haji Daud seorang peserta kapal Belia Asia Tenggara pada tahun 1986.

Kata Awang Haji Daud lagi, sudah menjadi kebiasaan orang-orang memberi layanan yang secukup-cukupnya dan setakat, mana yang kata mampu siapa sahaja tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.

Kami sekeluarga juga memperkenalkan masakan asli dan bagaimana kita makan cara tradisi iaitu "makan baurung-urung" telah menarik perhatian Awang Patcharapakorn katanya lagi.

Awang Haji Daud juga menceritakan serba ringkas tentang pengalaman pertamanya ketika menjadi anak angkat kepada keluarganya di negara-negara ASEAN dan Jepun dan beliau tertarik "Rancangan Keluarga Angkat" ini, dan berhasrat juga ingin mengikuti rancangan (Keluarga Angkat) ini, katanya beliau dan abang serta adik-adiknya telah menjadi keluarga angkat buat kali kedua. Faktor yang menggalakkan keluarga beliau, ialah kerana melalui rancangan ini, setentunya menghubungkan silaturahim antara rakan-rakan sejawat di negara ASEAN dan Jepun di samping bertukar-tukar fikiran, kebudayaan kedua belah pihak.

Selama dua hari, peserta kapal Belia Asia Tenggara, dijadikan anak angkat kepada keluarga-keluarga kita yang bermurah hati. Tujuannya adalah mendedahkan secara dekat tentang perkembangan negara-negara ASEAN khususnya tentang kehidupan masyarakat kita. Ini adalah satu langkah yang berkesan dan dapat bersemuka dengan kita melalui komunikasi interpersonel atau bersemuka, kata Dk. Norjanah Pg. Ali yang pertama kali menjadi keluaga angkat kepada dua orang peserta kapal belia dari Thailand dan Singapura.

Seperti keluarga angkat yang lain, saya juga dapat memperkenalkan corak dan kehidupan orang-orang kitani seperti makan bersila bagi lelaki dan duduk bertimpuh bagi perempuan, memakan masakan asli Brunei dan sebagainya.

"Saya amat tertarik dengan rancangan keluarga angkat ini kerana ianya mengeratkan tali silaturahim antara kedua belah pihak dan dapat kita memperkenalkan lagi bahasa Brunei kepada mereka," katanya.

Apa yang diharapkan melalui rancangan ini, para peserta dan keluarga angkat mereka akan sentiasa menghubungi antara satu sebuah lain sesuai dengan sebuah pantun,

Orang Brunei memakai jongsarat,
Dari benang emas indah bersulam,
Kalau jauh berkirim surat,
Kalau dekat berkirim salam.



PEGAWAI Pentadbir Kanan Pengiran Haji Alauddin yang menjalankan tugas-tugas Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, berkenal mesra dengan Kapten Kapal Nippon Maru, Awang Sadatoshi Kouzu.



AWANG Hj. Daud bin Hj. Taha.



AWANG Patcharapakorn Debakula, peserta dari Thailand.





DAYANGKU Norjanah Pg. Ali (hujung kiri sekali) beserta ibunya (bertudung putih) dan anak-anak angkat mereka (atas).

HAJI Abd. Ghafor beserta isteri bersama anak-anak angkat mereka (kanan).

Ceramah Khas Ceramah Khas Ceramah Khas Ceramah Khas

## Belanjawan besar tidak memadai wujudkan perpaduan:

# JIKA TIDAK DISERTAI DENGAN MODAL TAAT KEPADA ALLAH



*SYARAHAN khas sempena perhimpunan dan perarakan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disampaikan oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada 4 November, 1987.*

**ALHAMDULILLAH, saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala yang telah memberi kesempatan bagi saya untuk menyampaikan sebuah syarahan di perhimpunan yang sangat besar ertinya ini iaitu bersempena dengan Maulid Ar-Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam dengan tema sambutan "Bersatu Ke Arah Keamanan dan Kemajuan."**

Memanglah wajib kita selalu mengingati junjungan kita Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan dengan ingatan itu akan bertambah cinta kita kepada Baginda yang bererti juga kita cinta kepada Islam. Islam yang dibawa oleh junjungan. Islam sebagai penyelamat. Islam yang menyatukan bangsa-bangsa tanpa mengira warna kulit, bahasa atau iklim semuanya bersatu di bawah akidah dan syariatnya.

Mewujudkan perpaduan itu adalah tuntutan yang wajib dalam Islam tanpa perpaduan kita tidak mungkin mencapai keamanan dan kemajuan yang sebenar-benarnya.

Lihatlah umat Islam hari ini, bukan tidak ada di antara mereka itu yang telah mencapai kemajuan, tetapi dengan terjadinya peperangan di antara sesama mereka menyebabkan ribuan nyawa terkorban, kehancuran harta benda dan lain-lain kerugian yang tidak ternilai, semuanya akibat tiada perpaduan.

Perpaduan kita yang sebenar-benarnya ialah perpaduan dalam akidah, perpaduan di dalam syariat dan perpaduan dalam mengikuti akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kiranya sifat-sifat mulia lagi terpuji itu kita hayati maka ia akan memberi sumbangan terhadap perpaduan umat. Sebaliknya apabila ada anggota-anggota masyarakat yang rosak akhlaknya, maka akan tibalah saatnya keruntuhan suatu bangsa itu.

Perasaan kasih sayang terhadap saudara di dalam Islam, bahkan kepada manusia seluruhnya yang di perintahkan oleh syarak adalah bertujuan supaya umat Islam hidup dalam perpaduan.

Kerana itu semua sifat-sifat yang mengandungi unsur-unsur kezaliman, penindasan, penganiayaan, menyakiti hati, hasad dengki, menghasut supaya orang tidak berpuas hati terhadap raja Islam dan kerajaannya adalah di antara sifat-sifat keji di dalam Islam, kerana ia akan membawa kepada perpecahan. Dari perpecahan akan mengancam pula kepada keamanan dan keselamatan.

Oleh kerana itu apabila seorang telah mendalam sifat kasih sayangnya, nescaya bersedia pula ia memberi maaf akan kesalahan-kesalahan orang lain. Junjungan kita telah menunjukkan betapa dengan sifat pemaaf dan pengampun Baginda itu telah menjadikan Islam semakin berkembang, orang-orang Islam makin bertambah kukuh imannya sementara orang-orang kafir tertarik hati pula kepada Islam.

Sejarah telah merekodkan bagaimana kezaliman penduduk Ta'if kepada Baginda, sehingga datang malaikat kepada Baginda siap sedia menerima perintah kiranya kalau Baginda mahu dibinasa sahaja penduduk Ta'if yang zalim itu, tetapi apa jawapan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam "Ya Allah beri hidayat kepada kaumku sesungguhnya mereka tidak tahu."

Itulah sifat pemaaf Baginda yang akhirnya setelah beberapa tahun kemudian penduduk Ta'if pun memeluk Islam.

Satu contoh yang lain, semasa penaklukan Kota Mekah, kita sendiri dapat membayangkan bagaimana perasaan orang kalah perang, paling kurang menjadi orang tawanan. Adalah wajar juga kalau dibalas dengan para sahabat Baginda.

Tetapi apakah sikap Baginda, sejarah telah menyaksikan suatu peristiwa yang sangat indah, Antara lain sabda Baginda: **"Pergilah!! Kamu bebas merdeka!"**

Sikap pemaaf Baginda telah mendorong penduduk Mekah memeluk Islam. Islam bertambah kuat, dulu mereka berpecah belah sekarang sudah bersatu padu.

Sebab itulah setiap amalan yang membawa kepada perpaduan, seperti sembahyang berjemaah, bersedekah, membawa hadiah kepada handai taulan, berbuat baik kepada jiran tetangga sekalipun bukan Islam hatta sebuah senyuman adalah merupakan sedekah, semua amalan-amalan itu mendapat ganjaran pahala yang berganda-ganda.

Air muka yang manis, kata-kata yang manis juga memikat hati orang. Maka terhubunglah silaturahim.

Demikianlah tuan-tuan kesan akhlak kepada perpaduan umat sangatlah besar. Kerana akhlak yang mulia melambangkan keimanan, sebagaimana juga akhlak yang buruk melambangkan kekufuran.

Perhatikan sifat malu lambang seseorang yang mempunyai hati nurani dan hidup yang murni. Sebaliknya orang yang tidak punya sifat malu tidak ada erti baginya perbuatan yang tercela dan hina. Padahal apabila seseorang itu tidak punya sifat malu, maka ia akan gelunsur dari satu tingkat kepada satu tingkat yang lebih buruk. Akhirnya menjunamlah ia ke lubuk kejahatan yang lebih dalam, sebagaimana sabda Rasulullah yang kira-kira maksudnya: "Apabila Allah Azza Wajalla menghendaki untuk membinasakan seorang hamba, maka akan dicabut daripadanya sifat malu, apabila dicabut sifat malu itu ia akan membenci dan dibenci orang, dan apabila ia membenci dan dibenci orang, maka akan dicabut daripadanya sifat amanah, apabila dicabut sifat amanah ia akan menjadi pengkhianat dan dikhianati, dan apabila ia menjadi pengkhianat dan dikhianati, maka dicabut daripadanya sifat rahmat (belas kasihani). Apabila dicabut sifat rahmat ia akan menjadi laknat dan dilaknati, dan apabila laknat dan dilaknat maka terungkailah (terlepas) daripadanya tambatan iman.

Demikianlah kejahatan demi kejahatan dilakukan oleh seorang bermula dari sebab hilang malunya. Hal itu tambah diperjelaskan lagi oleh Rasulullah: "Kalau engkau tak malu, maka lakukanlah apa saja yang engkau suka."

Sekarang marilah kita perhatikan apakah hubungan sifat-sifat mulia seperti sifat malu itu dengan perpaduan umat. Contohnya: Jika seorang itu pemalu nescaya ia tidak tergamak memakan najis dadah atau menjadi pengedar najis dadah atau meminum najis arak, sebab ia tahu Allah memperhatikannya, bahaya najis dadah dan najis arak telah diketahui umum, dan kesannya terhadap keamanan juga telah diketahui, berapa banyak korban telah terjadi kerana najis dadah hingga ada negara yang menganggap hanya najis dadah adalah musuh negara yang paling atas setelah komunis. Bahkan lebih bahaya dari komunis.

Contoh yang lain, jika seorang itu pemalu nescaya ia tidak akan tergamak melakukan apa jua jenis kejahatan, menganjurkan atau mengelolakan perkara-perkara maksiat dan munkar. Bukankah maksiat itu boleh mengancam, keselamatan dan keamanan, bala bencana boleh saja turun dari langit kerana maksiat yang berlaku dalam suatu negara.

Maksiat itu sendiri adalah perutusan kepada kekufuran. Jika demikian halnya, maka jadilah maksiat itu mengancam keselamatan dan keamanan.

Maka dalam usaha untuk menuju kepada perpaduan itu, belanjawan bagaimana besarnya, tidaklah akan memadai, jika tidak disertai dengan modal taat kepada Allah. Firman Allah dalam surah Al-Anfal ayat 63 yang maksudnya: "Kalau engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak menyatu padu antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu padukan di antara hati mereka."

Selain daripada kita wajib berpegang teguh dengan tali Allah (agama Allah), maka kita juga wajib bertolong-tolongan dalam perkara kebajikan, menghayati konsep nasihat-menasihati dan jangan menghasut orang ramai supaya derhaka kepada raja Islam kerana itu tidak ada dalam ajaran syarak. Dan hendaklah kita orang-orang Islam menutup segala pintu yang boleh membawa kerosakan akhlak.

Kesemua syarat-syarat itu jika kita bersama-sama mendukungnya, insya-Allah, kita akan bersatu padu dan terhindarlah kita sebagaimana firman Allah yang kira-kira maksudnya: "Kamu lihat mereka itu bersatu padu, tetapi hati mereka berpecah belah." — (Al-Hasyar ayat 14).

Oleh kerana itu marilah kita menghayati ajaran-ajaran Islam mengamalkan serta mempertahankannya insya-Allah perpaduan akan kita capai, Allah akan reda kepada kita akan turun rahmat dari langit dan bumi tanahair kita melimpah-limpah berkatnya.



TUA, muda, lelaki dan perempuan sama-sama berarak sebagai rasa tanda cinta kepada Nabi besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ketika diadakan perhimpunan dan perarakan di ibu negara seperti kelihatan di gambar atas dan bawah. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



# Sambutan Maulud di Daerah Belait





TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Ahmad Wally Skinner bersama tetamu kehormat yang lain ketika hadir di perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Daerah Belait (atas). Sementara gambar atas kiri, kelihatan Timbalan Menteri Kewangan bersalaman dengan setiap ketua pasukan yang mengambil bahagian.

## JALANKAN T-JAWAB DENGAN JUJUR, IKHLAS

Oleh Dk. Saidah PO
Gambar oleh Harun Rashid

KUALA BELAIT. — Rakyat dan penduduk di negara ini diseru supaya menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan jujur dan ikhlas demi membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu serta mewujudkan negara yang kukuh, adil, aman dan makmur.

Dengan keadaan Negara Brunei Darussalam yang kecil dengan penduduknya yang sedikit, maka perpaduan yang kukuh, kerjasama yang erat lagi saling bersefahaman perlulah dipelihara. Dasar yang paling kukuh bagi perpaduan itu ialah berpegang teguh dengan agama Islam.

Demikian ditegaskan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Ahmad Wally Skinner ketika berucap di perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di padang KBRC di daerah tersebut pada hari Rabu, 4 November lepas.

Menurutnya, dalam usaha membangun dan memajukan kehidupan kita, bangsa dan negara hendaklah dilaksanakan berdasarkan nilai-nilai yang diredai Allah kerana ianya boleh mengekalkan perpaduan, keamanan, kemakmuran dan kemajuan yang kita nikmati.

Timbalan Menteri Kewangan seterusnya berkata umat Islam di negara ini lebih bertuah daripada saudara-saudara Islam di negara-negara lain kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi semua kakitangan yang bersangkutan dengan agama Islam.

Tujuan kemudahan-kemudahan dan kegiatan di bidang keagamaan itu diadakan, tegasnya adalah untuk menyemarakkan syiar Islam di negara ini serta memudahkan kita menunaikan ibadat dengan aman dan selesa di samping mengukuhkan keimanan dan kesempurnaan ibadat kepada Allah.

Menyentuh tema sambutan Maulud pada tahun ini "Bersatu Ke Arah Keamanan dan Kemajuan", Dato Paduka Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad Wally Skinner mengingatkan kita tentang titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena memperingati Hari Kebangsaan Negara ini yang ketiga di mana dalam titah tersebut antara lain baginda mengingatkan belia-belia dan rakyat di negara ini supaya sentiasa bersatu padu dan bermuafakat di dalam kehidupan seharian dan kita juga digesa agar memberi kerjasama kepada kerajaan untuk menjaga keselamatan negara daripada ancaman anasir-anasir jahat.

Kita terutamanya belia-belia diingatkan supaya menghindarkan diri dari pengaruh dadah kerana mereka yang menjadi penagih dadah bukan saja merosakkan diri sendiri malah merugikan bangsa dan negara. Dari itu mereka mestilah memerangi penyalahgunaan dadah dan membasmi masalah sosial di negara ini.

Yang Mulia seterusnya berkata dengan wujudnya perpaduan di kalangan umat Islam khasnya dan penduduk negara ini amnya, maka kebahagiaan, kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan dapat dinikmati.

"Dengan suasana yang demikian, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dapat melaksanakan berbagai rancangan pembangunan dan kemajuan dengan licin dan sempurna bagi meninggikan taraf hidup kita dalam bidang-bidang keagamaan, pelajaran, kemasyarakatan dan ekonomi."

Di perhimpunan tersebut, sebanyak 63 buah pasukan yang mengandungi lebih lapan ribu orang ikut serta antaranya termasuk sekolah-sekolah, maktab-maktab, jabatan-jabatan kerajaan, firma-firma, swasta, kampung-kampung, dan persatuan-persatuan.



KETUA-ketua pasukan yang mengambil bahagian membaca Marhaban beramai-ramai.



BARISAN pasukan-pasukan yang mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.



SEBAHAGIAN daripada pasukan berjalan memulakan perarakan.



KAUM wanita tidak ketinggalan untuk menyertai perarakan pada hari itu.

# Sambutan Maulud di Daerah Tutong



DATO Paduka Awang Haji Abidin ketika diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang menyertai perhimpunan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

## PENGABAIAN HIDUP BERDISIPLIN SEMAKIN KETARA

Oleh Zubaidah HS
Gambar oleh Pg. Haji Yaakub

PEKAN TUTONG. — Pengabaian terhadap keperluan hidup berdisiplin terutama pengabaian terhadap kepatuhan undang-undang telah semakin jelas dan ketara di dalam penghidupan kita sehari-hari ketika ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abd. Rashid berkata umpamanya undang-undang yang berkaitan dengan lalulintas, undang-undang berkaitan dengan pembuangan sampah telah mula diabaikan.

Dalam hubungan ini Dato Paduka Awang Haji Abidin menyarankan perlunya kita bekerjasama dengan padunya memikirkan bagi mengatasi masalah pengabaian disiplin semata-mata untuk memelihara ketatasusila bangsa dan negara kita.

Berucap demikian di perhimpunan dan perarakan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah dilangsungkan di kawasan tanah lapang Dewan Kemasyarakatan di sini pada 4 November lalu, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya menegaskan bahawa, "Sejarah telah membuktikan kejatuhan sesuatu bangsa itu disebabkan rendah peradabannya."



BACAAN Marhaban beramai-ramai yang diketuai oleh Imam-Imam Masjid Daerah Tutong.

Maka untuk itu, Dato Paduka Awang Haji Abidin menekankan perlunya kita sentiasa menjaga disiplin atau peradaban. Ini termasuklah menjaga dan menghormati adat resam, kebudayaan dan tatasusila, mematuhi undang-undang dan peraturan negara, hormat-menghormati antara satu sama lain dan seumpamanya.

Dalam pada itu Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga mengingatkan supaya kita sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga terhadap gejala-gejala yang boleh menjejaskan keimanan, merosakkan perpaduan dan memporak-perandakan kehidupan kita.

Menurutnya walaupun terdapatnya ajaran sesat dan pelampau Islam tetapi kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang telah dan sentiasa mengurniakan perlindungan kepada kita daripada gejala-gejala tersebut.

"Ini adalah hasil daripada kekukuhan iman dan kewaspadaan kita pada menghayati ajaran-ajaran Allah Subhanahu Wataala yang telah dibawa oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta perpaduan yang padu," jelas Dato Paduka Awang Haji Abidin.

Awang Othman bin Awang Damit, Pegawai Daerah Tutong di dalam ucapannya berkata bahawa penyertaan kaum Muslimin dan Muslimat di sambutan Maulud dengan diiringi dengan perasaan khusyuk dan tawaduk adalah menjadi lambang perpaduan hidup beragama dan bernegara.

Katanya, perkara ini adalah sesuai dengan tema sambutan tahun ini yang berbunyi "Bersatu Ke Arah Keamanan dan Kemajuan" yang mana umat Islam haruslah bersatu padu meneruskan perjuangan Baginda Rasulullah.

Bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seorang manusia agung yang telah diutus oleh Allah Subhanahu Wataala, beribu-ribu umat Islam telah memenuhi kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, dengan melaungkan selawat dan salam ke atas Baginda.

Mereka yang terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan, pasukan-pasukan beruniform, murid-murid dan penuntut-penuntut sekolah serta persatuan-persatuan dan orang perseorangan awal pagi lagi datang beramai-ramai bagi sama-sama meraikan sambutan tersebut, yang mana memang menjadi kelaziman negara kita menyambutnya.

Sebelum perarakan mengelilingi Pekan Tutong yang diketuai sendiri oleh Dato Paduka Awang Haji Abidin, syarahan khas yang berkisar dengan perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menegakkan agama Islam telah disampaikan oleh wakil Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ustaz Haji Kasim bin Haji Lamat.




SALAH sebuah pasukan yang menyertai perarakan Maulud Nabi Muhammad di Daerah Tutong.




TUA, muda, lelaki, wanita, sama-sama berhimpun di kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong bagi sama-sama memperingati dan menyambut hari kebesaran dan kelahiran junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



DARI kecil-kecil lagi anak-anak ditanamkan dengan semangat keislaman dan cintakan junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

# Sambutan Maulud di Daerah Temburong

## JIWA, ROHANI YANG AMAN PERLU BAGI CAPAI KEMAJUAN

Oleh Abd. Karim HAB

Gambar-gambar oleh Pg. Bahar PHO.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim ketika diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan (kanan). Sementara gambar bawah kelihatan ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian di perhimpunan dan perarakan Maulud di Daerah Temburong mempersembahkan zikir marhaban.



BANGAR. — Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim berkata, jiwa dan rohani yang aman dan tenteram perlu bagi mencapai keamanan dan kemajuan.

"Bagi umat Islam, yang didahulukan dan diutamakan bagi mencapai keamanan dan kemajuan ialah jiwa dan rohani manusia itu sendiri perlu ada rasa aman, tenteram, tenang, tidak digugat oleh rasa takut, gelisah, rasa terpencil, kurang, rendah diri, terhimpit, tidak terjamin masa depan dan berbagai lagi," kata Yang Dimuliakan Pehin.

Bagaimanapun, selagi ada perasaan atau gangguan berkenaan di dalam sanubari manusia berdasarkan yang dialaminya sehari-hari maka tidak akan dapat disempurnakan keamanan sebenarnya. Bila keamanan tidak nampak dan tidak dapat dituju sudah tentu ia bukan satu kemajuan walaupun banyak terdapat kemewahan.

Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya menyatakan hal itu ketika berucap selaku tetamu kehormat di sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Daerah Temburong di kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan di sini pada pagi Rabu, 4 November lepas.

Menurut Yang Dimuliakan Pehin, agama Islam sentiasa menggesa umatnya memelihara diri dari perangai-perangai buruk seperti hasad dengki, ria, nifaq dan sebagainya. Dengan menganjurkan amalan-amalan seperti sembahyang, berzakat, puasa, menanamkan hormat dan taat kepada orang tua, menjauhi penagihan minuman memabukkan, menjauhi penyalahgunaan dadah, menjauhi pergaulan dengan anasir-anasir yang tidak diingini, menjadi samseng, pencuri, perompak dan bergaul bebas antara lelaki dengan perempuan terutama di kalangan muda-mudi.

"Semua ini adalah perkara-perkara yang boleh merosakkan keamanan. Rosak keamanan itu ertinya tidak ada kemajuan," tegas Yang Dimuliakan Pehin.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menurut Yang Dimuliakan Pehin, dalam usahanya memperkukuhkan keamanan demi untuk mencapai kemajuan telah menjalankan pelbagai rancangan dengan membelanjakan peruntukan yang banyak.

"Peranan kita sebagai rakyat ialah menolong dan memudahkan terlaksananya perancangan-perancangan itu dan menolong supaya ianya terus berjalan tanpa gendala bukan merosakkan atau menjadi musuh dalam selimut," tegas Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama itu.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Abd. Hamid bin Ismail pula menegaskan keamanan dan kemajuan sesebuah negara tidak akan tercapai tanpa adanya usaha-usaha dan kerjasama dari rakyat sesebuah negara itu.

"Untuk mencapai keamanan dan kemajuan sudah tentu menghendaki rakyat sentiasa berganding bahu antara satu dengan lain, bersifat hormat-menghormati dan mempunyai rasa tanggungjawab terhadap keharmonian, keselamatan dan keamanan negara. Kewajipan sedemikian seharusnya tidak hanya dibebankan kepada pegawai-pegawai kerajaan khususnya pegawai-pegawai keselamatan tetapi juga sama-sama dipikul oleh kita semua," tegasnya.

Menurut Awang Abd. Hamid, jika sifat bekerjasama dan rasa tanggungjawab yang berlandaskan ajaran Allah Subhanahu Wataala dan pimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tersemai dalam diri kita, beliau percaya negara akan maju dan keselamatan negara akan sentiasa terpelihara. Dengan demikian hasrat kerajaan terhadap keamanan dan kemajuan akan terlaksana sesuai dengan tema tahun ini "Bersatu Ke Arah Keamanan dan Kemajuan."



KANAK-KANAK sekolah dengan semangat keislaman terus berjalan berarak tanpa mengira terik matahari semata-mata bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (kiri).



SEPERTI juga kaum lelaki, wanita kita juga tidak ketinggalan untuk sama-sama berarak. Gambar atas kanan kelihatan sebahagian daripada wanita Daerah Temburong yang menyertai perarakan mengelilingi Pekan Bangar.



BARISAN sebahagian umat Islam di Daerah Temburong yang terdiri dari orang-orang dewasa dan kanak-kanak terus berarak dengan membawa sepanduk yang memuja kebesaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (kanan).

# Memperingati Maulud Na

# KEBAWAH DYMM BERARA

Gambar-gambar oleh :
Hj. Sharbini Taha dan Pg. Abu Bakar PHO.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra ketika berkenan diperkenalkan dengan salah seorang ketua pasukan yang menyertai perhimpunan dan perarakan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemarduli menyertai umat Islam di perhimpunan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan seterusnya berkenan mengepalai perarakan mengelilingi ibu negara.

Perhimpunan raksasa yang diadakan pada setiap tahun bagi memperingati hari keputeraan junjungan besar Nabi kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu telah dilangsungkan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara pada hari Rabu 4 November yang lalu.

Berangkat sama menyertai baginda ialah adinda-adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan dan putera sulung baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Keberangkatan baginda di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin kira-kira jam 8.15 pagi telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi sambutan Maulud.

Acara pada pagi itu bermula dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disembahkan oleh Awang Haji Wasli bin Haji Abu Bakar, kemudiannya diikuti dengan syarahan khas yang telah disampaikan oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja

Lihat muka 24







SEBAHAGIAN dari peserta pasukan wanita yang sama-sama menyertai perhimpunan dan perarakan.



# Muhammad SAW BERSAMA RAKYAT





SEPANJANG masa (gambar atas) ketika baginda berkenan diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan perarakan, baginda dengan penuh mesra menerima junjung ziarah dari rakyat baginda.

KUMPULAN murid-murid Sekolah Ugama ini (gambar kanan) diberi penghormatan untuk mempersembahkan zikir marhaban di perhimpunan raksasa di ibu negara.

DENGAN penuh kegembiraan kanak-kanak ini (gambar kiri) tidak mahu ketinggalan bersama dalam perhimpunan dan perarakan tersebut berebut-rebut untuk junjung ziarah ke hadapan baginda.









GAMBAR atas kiri dan kanan: Yang muda belia dan kecil besar umat Islam ini dengan barisan yang tidak teratur lagi bersesak-sesak menghayun langkah sambil melaungkan lagu-lagu memuji keagungan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika perarakan raksasa mengelilingi ibu negara.

GAMBAR kiri dan kanan: Pasukan keselamatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei juga tidak ketinggalan untuk menyertai perhimpunan dan perarakan raksasa Mauludun Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengelilingi ibu negara.



# rtb/Intisari minggu ini

*Radio Minggu Ini:*

## BOLASEPAK PIALA BORNEO 1987

PERMAINAN bolasepak merupakan salah satu sukan yang amat digemari oleh pelbagai golongan masyarakat di negara ini. Keghairahan bermain bolasepak di kalangan belia-belia juga adalah didorong oleh beberapa faktor yang ada masa kini. Antaranya ialah disebabkan oleh beberapa perlawanan dan juga siri-siri kejohanan bolasepak di dalam dan juga di luar negeri. Faktor kedua ialah galakan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, menerusi jabatan-jabatan yang berkenaan. Faktor ketiga ialah pendekatan-pendekatan yang seringkali dibuat oleh Radio Brunei dan juga Televisyen Brunei, menerusi ruangan-ruangan sukan yang dimuatkan di dalam media berkenaan. Di samping itu banyak lagi faktor-faktor yang lain yang boleh mendorong kegiatan bolasepak di negara ini.

Beberapa bulan dulu dalam tahun 1987 ini Radio Brunei telah pun melaporkan dengan rancaknya 'Kejohanan Bolasepak Piala Malaysia 1987'. Peminat-peminat sukan bolasepak di negagara ini telah berpeluang pula mengikuti menerusi media Radio Brunei sendiri tentang kecekapan kesebelasan pasukan bolasepak negara kita menentang pasukan lawan sama ada di dalam ataupun di luar negara kita sendiri. Laporan-laporan terperinci yang diberikan oleh juru-juruulas sukan kita di ruangan sukan Radio Brunei tidaklah dapat diperkecil-kecilkan di dalam mempertingkatkan imej dan juga prestasi sukan bolesepak ini.

Setelah berakhirnya 'Kejohanan Piala Malaysia' yang kita anggap salah satu penyertaan pasukan bolasepak negara kita yang amat penting sejauh ini, kini muncul pula beberapa siri perlawanan dan juga kejohanan bolasepak yang lain, yang juga bertaraf kebangsaan. Perlawanan tersebut dikenali sebagai 'Kejohanan Bolasepak Piala Borneo 1987.' Kejohanan piala bolasepak rantau Borneo ini juga tidak kurang pentingnya dengan kejohanan-kejohanan piala bolasepak yang lain. Dengan penglibatan Radio Brunei di dalam 'Kejohanan Bolasepak Piala Borneo 1987' ini nanti adalah dianggap perlu. Terutamanya di dalam memberikan laporan-laporan di sepanjang perlawanan yang akan diadakan selama tiga hari berturut-turut, iaitu mulai hari Jumaat, 13, 14, dan 15 November, 1987 yang akan datang ini, bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di Berakas. Setiap perlawanan akan dimulakan pada jam 7.30 malam.

Kejohanan Bolasepak Piala Borneo ini sebenarnya telah dihidupkan semula serta diberikan nafas baru oleh Negara Brunei Darussalam sendiri pada tahun 1984. Mengikut sejarah awal perkembangan 'Bolasepak Piala Borneo' ini ianya telah bermula dan agak popular di sekitar tahun-tahun 1960-an dan juga tahun-tahun 1970-an, yang didukung kuat oleh tiga buah negeri di wilayah Borneo ketika itu. Antaranya ialah Negara Brunei Darussalam sendiri, Negeri Sarawak dan juga Negeri Sabah. Masyarakat pendengar dan juga peminat sukan bolasepak di negara ini tentu masih ingat dengan suara-suara lantang pengulas-pengulas sukan dari Radio Brunei, yang memberikan gambaran-gambaran terperinci daripada setiap perlawanan bolesepak di tiga wilayah Borneo ketika itu.

Dalam apa-apa perlawanan dan juga kejohanan bolasepak yang diadakan di negara ini pihak Radio Brunei tidak pernah menghampakan para pendengarnya. Ini adalah merupakan fungsi dan tugas Radio Brunei di dalam memberikan berbagai-bagai maklumat kepada masyarakat pendengarnya yang berada di merata-rata tempat di negara ini. Lebih-lebih lagi dalam sukan bolasepak ini Radio Brunei sama-sama mendukung dan juga memberikan perangsang kepada para pemain yang akan mewakili pasukan kebangsaan negara kita di dalam 'Kejohanan Bolasepak Piala Borneo' yang akan datang ini. Malahan, kita semua juga menaruh harapan kepada pasukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam akan menjuarai kejohanan yang terakhir diadakan pada tahun ini. Kerana pada tahun-tahun akan datang 'Kejohanan Piala Borneo' mungkin digantikan pula dengan nama yang lain, yang belum lagi dipastikan namanya iaitu bagi mensesuaikan perkembangan dan juga suasana kejohanan di masa-masa akan datang.

Menerusi di ruangan Radio Minggu Ini, pihak Radio Brunei ingin mengucapkan "Selamat bermain dan semoga beroleh kejayaan di dalam kejohanan ini nanti!"



SEBUAH siri drama "THE TWO MRS GRENVILLES" yang mengandungi empat bahagian yang dibintangi oleh ANN-MARGARET, CLAUDETTE COLBERT dan STEPHEN COLLINS yang akan dapat awda saksikan pada tiap-tiap hari Ahad kira-kira jam 10.45 malam.



## Sudut Remaja

APAKAH awda mengenali gadis remaja ini? Mungkin tidak. Ya inilah wajah gadis remaja yang akan mengisikan sudut remaja minggu ini yang akan menemui awda pada hari Isnin 16 November, 1987, jam 4.00 petang.

Gadis remaja yang dimaksudkan Dk. Rafidah Pg. Ibrahim, mula berjinak-jinak dengan seni suara di zaman kanak-kanaknya di mana ia sering menyertai Pertandingan Bintang Kecil dan menyertai rancangan-rancangan hiburan tempatan.

### Sandiwara Radio:

## "PETIR"

MINGGU ini Sandiwara Radio berjudul "PETIR," tulisan Sani A. B., Negara Brunei Darussalam.

Sandiwara yang bertemakan kekeluargaan ini mengisahkan tentang perasaan dendam seorang anak yang merasakan dirinya kurang mendapat layanan dari ibu mereka. Ia tidak mendapat kasih sayang yang sewajarnya daripada ibu kandungnya sendiri seperti yang diterima oleh saudara kandungnya yang lain.

Dahlan dan Daim adalah dua orang adik-beradik yang menerima layanan yang berbeza dari ibu mereka. Inilah kesilapan ibu mereka kerana memberikan kasih sayang yang tidak sama rata kepada anak-anaknya. Dahlan selalu saja disuruh berdikari dan dinasihatkan berhenti dari sekolah lebih awal dari yang sepatutnya.

Berlainan pula dengan Daim. Ia mendapat perhatian dan kasih sayang yang lebih dari ibu mereka dan dimewahkan dengan wang ringgit. Akibat dari kesilapan itulah juga ibu mereka bertukar menjadi orang susah.

Sementara itu Dahlan sedaya-upayanya berusaha sendiri untuk memperbaiki kehidupannya. Akhirnya, ia bertukar menjadi orang yang mewah dengan harta. Walaupun begitu, perasaan dendamnya terhadap ibunya tidak pernah padam.

Setelah mengalami kesesakan hidup, ibu Dahlan cuba merayu untuk menumpang hidup kepadanya. Ia telah menyedari segala kesalahannya yang telah lalu dan ingin menghabiskan sisa-sisa hidupnya bersama Dahlan. Tapi hati Dahlan sekeras batu, ia begitu nekad melemparkan kata-kata yang kesat kepada ibu kandungnya dan tidak mahu memaafkan kesilapannya yang telah lalu.

Mungkinkah Dahlan akan menerima akibat dari pendiriannya itu? Untuk mengetahuinya, ikutilah siaran sandiwara radio ini pada 15 November, 1987, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Hj. Abdullah Awg. Damit.

## Mari Memasak: KEK BUAH TERAP

**Bahan-bahannya :**

- 6 biji telur
- 300 gram buah terap yang sudah dibuang bijinya
- 300 gram mentega
- 225 gram tepung
- 200 gram gula
- 4 sudu makan susu cair
- 4 lembar daun pandan
- 2 sudu teh baking powder

**Cara membuatnya :**

Daun pandan dimesin bersama susu, tapis ambil airnya. Pukul telur hingga kembang, kemudian pukul mentega dan gula di mangkuk lain hingga kembang, gaulkan kedua adunan hingga rata. Ayak tepung bersama baking powder dua tiga kali.

Masukkan tepung ke dalam adunan mentega kacau rata-rata, masukkan terap dan susu, kacau lagi, tuang dalam acuan yang sudah disapu mentega dan tepung, bakar hingga masak, dengan api yang sederhana, lebih kurang satu jam setengah.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## RABU 11 Nov.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FLINTSTONE KIDS
5.00 WIND IN THE WILLOWS: "Champion Of The Green Baize"
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Kshin And Ghost Ship"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MY SISTER SAM: "Another Saturday Night"
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.17 MY SISTER SAM — sambungan
6.30 ANIMALS IN ACTION: "Finding A Mate"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 SMALL WONDER: "Vicki Goodwrench"
7.55 L. A. LAW: "The Grace Of Wrath"
8.45 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
10.00 VARIETIES VARIETIES
10.30 THE COLBYS: "Guilty Party" Fallon membuat keputusan hidup atau mati semata-mata untuk menyelamatkan nyawa anak damitnya; Zach Power pula percaya bahawa ia mungkin mempunyai minat yang biasa dengan Hoyt Parker; sementara masa begitu suntuk bagi Sable yang semestinya membuat keputusan bahawa lelaki mana yang dikehendaki dalam hidupnya; dan Channing mengertak untuk meninggalkan Miles.
11.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS 12 Nov.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HEATHCLIFF — sambungan
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.17 ECONOMIC TODAY (Episod akhir)
6.35 SUPERGRAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 WEBSTER: "The A++ Parents" Webster merasa bersalah apabila dia menggambarkan George dan Katherine, bukan Ayah dan Emak asalnya, dalam suatu karangan sekolah mengenai keluarganya.
8.00 HUNTER: "Bad Companion"
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.55 DUNIA MINGGU INI
10.25 MAGNUM P.I.: "Aunt Who Come To Dinner" Magnum telah didatangi oleh emak saudaranya, Aunt Phoebe yang terkenal kerana memenangi hadiah pengarang drama dan kemudian mengetahui bahawa dia mengidap penyakit Alzheimer. Aunt Phoebe memberitahu Magnum bahawa ada yang cuba hendak membunuh dan mengekorinya hingga ke Hawaii dan Magnum menyatakan bahawa ia ingin menjaga dan menyelamatkan Aunt Phoebe.
11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Treasure Of The Fourth Crowns"
12.50 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT 13 Nov.

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
12.25 HIDAYAT — ulangan
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.50 HIDAYAT — sambungan

PETANG

1.00 SEARCH FOR ADVENTURE: "Gold River Run"
1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFFS
2.15 SUKAN DUNIA
3.05 MASK
3.27 AZAN ASAR
3.32 AL-KISAH
3.45 MAGIC CORNER
4.10 ADVENTURER: "Dragon Island"
5.10 GRUMBLEWEEDS RADIO SHOW
5.35 THREE UP TWO DOWN
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THREE UP TWO DOWN — sambungan
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.17 THREE UP TWO DOWN — sambungan
6.30 THE MAKING OF . . . "Life Force"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 REKASENI: "Gubahan Dari Bekas Buah-buahan (Polystherine)"
7.55 MACGYVER: "Pirates"
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 FORUM: "Disiplin Dan Kesedaran Sivik Bermula Dari Rumahtangga"
10.20 FALCON CREST: "Missed Connections"
11.20 SIARAN TAMAT.

## SABTU 14 Nov.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 WILDLIFE ON ONE: "Ambush At Masai Mara"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ALF: "Grumbler"
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.17 ALF — sambungan
6.30 MY LITTLE PONY AND FRIENDS

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 THREE'S COMPANY: "Friends And Lovers"
8.00 HOT SHOTS: "Bluebeards"
9.00 WARTA BERITA
9.25 ANEKARIA — ulangan
10.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Primitif"
11.50 MUSICAL
12.50 SIARAN TAMAT.



SEBUAH siri drama 'HITCH HIKER' yang penuh suspen yang memulakan episod pertamanya pada minggu lepas akan dapat awda saksikan pada tiap-tiap hari Ahad kira-kira jam 11.35 malam.

## AHAD 15 Nov.

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.07 AZAN ZUHUR
12.09 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 MUSICAL: "Bob Dylon and Tom Betty in Concert 1985"

PETANG

1.00 BIG LEAGUE SOCCER 1987/1988
1.50 TAYANGAN GAMBAR: "Goldy"
3.28 AZAN ASAR
3.33 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPIN: "Tweeg's Mom"
4.00 SILVERHAWKS: "Race Against Time"
4.25 DRAMA (SBC): "Busu Buyat" Bhg II
5.05 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL — sambungan
5.55 CENTURIONS: "Firecraker"
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.17 CENTURIONS — sambungan
6.30 ONE BIG FAMILY: "Roger Runs Away"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.14)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 WHAT A COUNTRY! "The Best Lain Plans"
7.45 MATLOCK
8.35 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT ASIA
9.55 HIBURAN MINGGU INI
10.45 THE 2 MRS GRENVILLES (Siri baru) Sebuah drama yang menarik dan mempersonakan yang memaparkan tentang kerakusan dan keghairahan di antara orang-orang yang terkaya di Amerika dan Eropah dalam tahun 40an. Drama ini dibintangi oleh ANN-MARGARET selaku seorang wanita yang bebas yang mengahwini dan membunuh salah saorang keturunan bangsawan yang terkaya di dunia.
11.35 HITCH HIKER: "Man's Best Friend"
12.10 SIARAN TAMAT.

## ISNIN 16 Nov.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE ALPHABET GAMES: "The Letters — SP & PL"
4.45 BITS AND PIECES: "Magic"
4.55 SNORKEL
5.20 THE WORLD ABOUT US: "The Curious Cat"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE WORLD ABOUT US — sambungan
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.17 THE WORLD ABOUT US — sambungan
6.30 THE EDISON TWINS

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.15)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 WHO'S THE BOSS? "Diet In Cell Block II"
7.45 O'HARA: "Laura"
8.35 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 SUPERSTARS OF WRESTLING
10.50 TAYANGAN GAMBAR: "Greasell"
12.30 SIARAN TAMAT.

## SELASA 17 Nov.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SEABERT
4.40 SQUARE ONE
5.10 JEM
5.35 O-LA-LA
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 O-LA-LA — sambungan
6.02 AZAN MAGHRIB
6.07 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.17 O-LA-LA — sambungan
6.30 ZERO ONE MAGAZINE

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.15)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 MARI MEMASAK: "Kek Buah Terap" (Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
7.55 AIRWOLF: "Salvage" Sebuah rencana rahsia untuk menjual sebuah helikopter penyerang yang hilang dapat dihidu oleh pasukan Airwolf apakala mereka cuba menolong seorang agen yang sedang bercuti rehat setelah seminggu dalam tahanan yang mengerikan.
8.45 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 BELIA
9.45 ARENA SUKAN
10.45 HANLON (Siri baru)
11.45 SIARAN TAMAT.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. JURUMESIN (Bilangan Kod : 009 84–330)
(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri)
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.
**Kelayakan :**
a) i) City & Guilds Trade Certificate dalam kejuruteraan automotive (tahun kedua) dan berpengalaman sebagai mekanik kenderaan.
ATAU
ii) Tiga tahun pengalaman yang bersesuaian dalam kedua-dua kenderaan berat dan ringan.
b) Mempunyai rekod kecekapan bekerja yang baik disahkan oleh majikan sekarang atau yang lama adalah penting.
c) Kejayaan dalam ujian kemahiran secara praktikal (practical trade test) adalah menjadi syarat untuk lantikan.
**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**
Bertanggungjawab kepada Jurumesin Tingkat Khas untuk membantu kerja-kerja pemeliharaan biasa dan membaiki semua kenderaan-kenderaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan (RTB). Ditempatkan di Bengkel Jalan Dato Ahmad, calon-calon yang berjaya juga akan ditugaskan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul di tempat luar atau tempat penyiaran luar.

2. PEMBERI ISYARAT TINGKAT I
(Bilangan Kod : 060 98–946)
(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)
**Tanggagaji :** F. 3-4-5 EB. 6 — $550-$790 sebulan.
**Kelayakan :**
b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pemberi Isyarat Tingkat II atau Pemberi Isyarat Tingkat I bergaji hari tidak kurang dari satu tahun.
b) Boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris adalah satu kelebihan.
**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**
Memberi perkhidmatan perhubungan secara penglihataan dan pendengaran di antara kapal-kapal yang menggunakan pelabuhan atau yang melalui perairan Brunei dan Stesen Isyarat.

BERIKUT ADALAH JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI JABATAN PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN : —

3. TUKANG PATERI/TUKANG BESI
(Bilangan Kod : 059 87–210)
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Berumur di antara 18 hingga 45 tahun.
b) i) Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman tiga tahun sebagai Tukang Pateri. Hendaklah dapat membuktikan kebolehannya di dalam kerja-kerja yang berkenaan.
c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai Sijil Pertukangan Sekolah dalam bidang yang berkaitan.

4. PEMANDU TINGKAT KHAS
(Bilangan Kod : 059 98–502)
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Berpengalaman sebagai Pemandu tidak kurang dari 10 tahun yang mana lima tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat (I) Satu.
c) Mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
d) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

5. TUKANG ELEKTRIK LAUT
(Bilangan Kod : 059 85–537)
**Tanggagaji :** E. 3 EB. 4 — $660-$875 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun.
b) Berpengalaman dalam kerja-kerja yang berkenaan tidak kurang dari 2 tahun.

6. MEKANIK PENAPIS (Bilangan Kod : 059 84–391)
**Tanggagaji :** E. 3 EB. 4 — $660-$875 sebulan.
a) Sijil City and Guilds dalam Kejuruteraan Jentera atau kelayakan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman tidak kurang dari 2 tahun dalam pengendalian, penyelenggaraan dan pembaikan saluran air hantar keliling, penapisan air dan alat penyukat bahan kimia untuk kolam berenang.
b) Kebolehan berenang adalah merupakan satu kelebihan.

7. PELAYAN MESS TINGKAT II
(Bilangan Kod : 059 53–217)
**Tanggagaji :** F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Berumur di antara 18 hingga 30 tahun.
b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
c) Mempunyai keperibadian yang baik.
d) Mempunyai pengalaman bekerja selama tiga tahun sebagai Pelayan Mess Tingkat III dalam sesebuah mess.

8. PEMANDU JENTERA ANGKAT-SUSUN
(Bilangan Kod : 059 97–920)
**Tanggagaji :** F. 4-5 EB. 6 — $620-$790 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Berumur tidak kurang dari 22 tahun.
b) Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah sekurang-kurangnya selama 2 tahun dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan memandu.
c) Mempunyai lesen memandu kelas 5 atau 11 (sebelas) dan berpengalaman memandu jentera angkat susun atau jentera-jentera berat seperti kren-kren bulldozer atau grader merupakan satu kelebihan.

9. PEMANDU TINGKAT I (Bilangan Kod : 059 98–503)
**Tanggagaji :** F. 4-5 EB .6 — $620-$790 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Umur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
d) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

10. TUKANG MASAK (Bilangan Kod : 059 53–130)
**Tanggagaji :** F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Umur tidak lebih dari 45 tahun.
b) Sijil City and Guilds 855 Basic Cooking atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
c) Berpengalaman memasak di Mess/Kantin atau Restoran bagi makanan Melayu, Cina dan Inggeris.
d) Calon-calon adalah dikehendaki menjalani ujian memasak sebelum ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

BERIKUT ADALAH JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI JABATAN TELEKOM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN : —

11. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III
(Bilangan Kod : 095 39–143)
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.
**Kelayakan :**
a) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.
b) Berpengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab atau Penyelenggaraan Stor atau pembelian barang-barang akan diberi keutamaan.
c) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

12. TUKANG KAYU (Bilangan Kod : 095 95–413)
**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Umur tidak kurang dari 20 tahun.
b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta berpengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu tidak kurang dari 3 tahun.
ATAU
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan serta berpengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu tidak kurang dari 5 tahun.
c) Kecekapan dalam menggunakan perkakas tukang kayu dan alat-alat yang menggunakan tenaga elektrik serta mengetahui jenis-jenis kayu dan tahu membuat perkiraan mengenainya adalah merupakan satu kelebihan.

13. PEMANDU TINGKAT II
(Bilangan Kod : 095 98–504)
**Tanggagaji :** F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Umur di antara 20 hingga 40 tahun dan tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
b) Pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Mempunyai lesen memandu kelas 5 dan kelas 11 (sebelas) dan berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 12 Disember, 1987.
Bilangan Pendaftaran : 123/87
( E/2189/82)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan 1180, pada jam 3.00 petang hari Rabu 25 November, 1987, mengenai perkara di atas, untuk Kementerian ini.

2. Butir-butir dan borang tawaran serta penerangan-penerangan lebih lanjut boleh diperolehi dan didapati dari Kerani Tingkat I (Tawaran) Kementerian ini, Tingkat 2, Bilik No. 311, pada bila-bila masa waktu pejabat.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang yang telah disediakan dan dimasukkan dalam sampul surat yang tertutup dan hendaklah ditulis dengan perkataan di luar sampul surat "TAWARAN KAYU-KAYAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA" dan masukkan dalam peti tawaran Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan 1180.

4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan di atas, tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lainlain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Syarat-syarat Tawaran**

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkiah Garison 2049, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 24 November, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutharga Jabatanarah, Kewangan dan Perbekalan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat)

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutharga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi tiap-tiap satu tawaran sebanyak $100.00 dan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/152/1987
MEMBEKAL :
LETTERING SYSTEM 3M

BIL : MINDEF/DFP/MTB/153/1987
MEMBEKAL :
TRAILER ½ TON GS

BIL : MINDEF/DFP/MTB/154/1987
MEMBEKAL :
MOTOR CYCLE ROUGH TERRAIN

BIL : MINDEF/DFP/MTB/155/1987
MEMBEKAL :
LIFTING SLING (POLYESTER FIBER)

BIL : MINDEF/DFP/MTB/156/1987
MEMBEKAL :
MOVITEX DELUXE. NUMBERING 0 — 9 & LETTERING A — Z

BIL : MINDEF/DFP/MTB/157/1987
MEMBEKAL :
"TATEYAMA" SHOP DISPLAY UNITS FOR FAMILIES SHOP AT TUTONG CAMP

BIL : MINDEF/DFP/MTB/158/1987
MEMBEKAL :
FIBRE GLASS NAVY BOARD

BIL : MINDEF/DFP/MTB/159/1987
MEMBEKAL :
LOCK UNION

BIL : MINDEF/DFP/MTB/160/1987
MEMBEKAL :
LAND ROVER SPARES

BIL : MINDEF/DFP/MTB/161/1987
MEMBEKAL :
JERRICAN WATER PLASTIC 4½ GALLON.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 389 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/221706

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH KE JALAN-JALAN DAERAH YANG SEDIA ADA DI JALAN PAK BIDANG, JALAN MERIMBUN/LONG MAYAN, JALAN LONG MAYAN/BUKIT, JALAN RAMBAI/KUALA UNGAR, MUKIM UKONG/MUKIM RAMBAI, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 November, 1987.

Tarikh tutup: 16 November, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 390 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/221707

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH KE JALAN-JALAN DAERAH YANG SEDIA ADA DI JALAN LAYONG/SIMPANG 4 PANCHONG JALAN TANJONG DANGAR, JALAN PANCHONG/KUALA UNGAR, JALAN RAMBAI/REST HOUSE, JALAN KUALA UNGAR/BENUTAN/KERANCHING, JALAN KAWASAN PERKUBURAN KAMPONG BINTUDOH, MUKIM LAMUNIN/MUKIM RAMBAI, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 November, 1987.

Tarikh tutup: 16 November, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 391 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/221708

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH KE JALAN-JALAN DAERAH YANG SEDIA ADA DI JALAN SIMPANG TIGA SENGKARAI, JALAN SENGKARAI, JALAN PENGASING/PANTAI SERI KENANGAN, JALAN PENABAI, JALAN PENANJONG (BACK OF SEKOLAH RENDAH PENANJONG), MUKIM PEKAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 November, 1987.

Tarikh tutup: 16 November, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 392 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/221803

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU KE JALAN SUNGAI AKAR (JALAN DAERAH), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 November, 1987.

Tarikh tutup: 16 November, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 393 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD406/1701

PEMBINAAN SEKOLAH UGAMA DI KAMPONG BOKOK, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 November, 1987.

Tarikh tutup: 23 November, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 394 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AR/000500

PEMBINAAN PEMBENTUNG JENIS "PRECAST" DI JALAN SUBOK, BERDEKATAN SIMPANG 206, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 November, 1987.

Tarikh tutup: 25 November, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 395 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AW/000700

LOJI PENGEPAM, RUMAH PAM, SUMP DAN TANGKI SIMPANAN BAGI BANGUNAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 November, 1987.

Tarikh tutup: 2 Disember, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 396 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD526/2501

KERJA-KERJA PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI CADANGAN KOMPLEKS QUATERMASTER DI PERKHEMAHAN PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 November, 1987.

Tarikh tutup: 25 November, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 397 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD526/2501

KERJA-KERJA PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN KOMPLEKS KUATERMASTER DI PERKHEMAHAN PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 November, 1987.

Tarikh tutup: 25 November, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

## SENARAI NAMA-NAMA SEKOLAH MEMANDU DAN JURU-JURULATIH MEMANDU YANG BERDAFTAR

MENGIKUT Peraturan Lalulintas (Jurulatih Sekolah Memandu) 1987 orang ramai yang ingin memohon untuk Menjalani Ujian Memandu di jabatan ini adalah terlebih dahulu dikehendaki mengikuti Kursus Memandu di Sekolah-sekolah Memandu yang berpermit.

Peraturan-peraturan yang telah dikuatkuasakan ini telah pun berkuatkuasa mulai 26 Oktober, 1987. Orang ramai yang ingin belajar memandu mestilah menghubungi Sekolah-sekolah Memandu yang mempunyai "Permit Khas". Sekolah-sekolah ini akan melayan orang ramai untuk mengambil ujian memandu di Jabatan Pengangkutan Darat dan cawangan-cawangan di Daerah-daerah Belait, Tutong dan Temburong. Sehubungan dengan peraturan yang disebutkan tadi orang ramai atau orang persendirian tidak boleh mengusahakan sebuah sekolah memandu atau menjadi jurulatih di jalan-jalan kecuali jika ada berkaitan dengannya suatu Permit Khas yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Melesen Kenderaan Bermotor (Sekolah Memandu). Orang ramai yang didapati melanggar peraturan ini dan sabit kesalahan di bawah Seksyen 19 Peraturan Lalulintas (Jurulatih Memandu dan Sekolah Memandu) 1987 boleh dihukum penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak $4,000.00 atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai adalah dinasihatkan supaya mematuhi peraturan ini demi untuk kebaikan dan keselamatan kita bersama.

| NAMA SEKOLAH MEMANDU | NAMA JURULATIH MEMANDU | ALAMAT | DAERAH |
|---|---|---|---|
| 1. Sekolah Latihan Memandu Malai Hamidah Sheikh Nekman | Dayang Malai Hamidah binti Sheikh Nekman | No. 300 Batu 17 Kampong Kupang Jalan Tutong. Tel.: 51969 | Brunei-Muara |
| 2. Sekolah Memandu Dk Zauyah | Dk Hajjah Zauyah binti Pg Haji Momin | No. 9 Kampong Sengkurong, Jalan Mulaut. Tel.: 61228 | Brunei-Muara |
| 3. Redza Driving Co. | Dayang Khamsiah binti Adenan | No. 374, Kampong Lambak Jalan Berakas. Tel.: 30752 | Brunei-Muara |
| 4. Shak Enterprise | Awang Shak Tshin Fah | No. A5, 1st Floor Haji Daud Flat Batu 2½, Jalan Gadong. Tel.: 25169 | Brunei-Muara |
| 5. Syarikat Salfa | Dayang Hajjah Fatimah binti Dato Matnor | No. 10–52 Kampong Manggis 1 Jalan Muara. Tel.: 31547 | Brunei-Muara |
| 6. Syarikat Latihan Memandu Sutifah | Dayang Hajjah Latifah binti Sh. Yahya | No. 10–691–8 Kampong Perpindahan, Bunut. Tel.: 51478 | Brunei-Muara |
| 7. Momin bin Haji Ibrahim | Awang Momin bin Haji Ibrahim | Lot 17861 Kampong Kasat. Tel.: 21779/22453 | Brunei-Muara |
| 8. Syarikat Asohraya | Awang Perdi bin Rawidin | Lot 1600 Kampong Mumong, Jalan Seria, Belait, P. O. Box 359, Kuala Belait. Tel.: 34746 | Kuala Belait |
| 9. Abdullah bin Diman | Awang Abdullah bin Diman | F20/41-B Lorong 3, Seria, Kuala Belait. Tel.: 23732 | Kuala Belait |
| 10. Mahari bin Lamat | Awang Mahari bin Lamat | No. 154–1 Jalan Petai, Kuala Belait. Tel.: Nil. | Kuala Belait |
| 11. Mohd Jamil Contractor Kuala Belait | Awang Mohd Jamil bin Haji Ahmad | No. 8, Kampong Melayu Asli, Kuala Belait. Tel.: 31858 | Kuala Belait |
| 12. Wong Sui Kinn Driving Co. | Awang Wong Sui Kinn | No. 19 Simpang 37, Kampong Perpindahan Seria. Tel.: 23264 | Kuala Belait |
| 13. Sitiara Driving Tuition | Dayang Sitiara binti Haji Abdul Rahim | No. 1290, Kampong Batu 18/19 Jalan Tutong. Tel.: Nil | Tutong |
| 14. Zaimah Driving Centre | Awang Haji Md Zaini bin Bakar | No. 376 Kampong Puni, Jalan Ujong Jalan Temburong Tel.: 05–501. | Temburong |

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYUNTING KANAN :

( Bilangan Kod : 009 15 — 922 ).

( Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan. Bahagian Penerangan, Jabatan Perdana Menteri ).

**Tanggagaji :** C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Higher National Diploma (HND) dalam bidang yang bersesuaian atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan atau sesebuah akhbar berbahasa Inggeris atau Melayu ataupun dengan perkhidmatan radio tidak kurang dari 3 tahun.

ii) Pengalaman bekerja dengan perkhidmatan Penerangan atau dengan perkhidmatan penerbitan majalah adalah diutamakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Menyediakan dan menyuntting bahan-bahan untuk siaran akhbar dan penerbitan majalah, khususnya penerbitan akhbar Pelita Brunei. Tegasnya dia hendaklah mempunyai inisiatif di samping usahasama dan bekerja secara berpasukan.

2. PENYUNTING :

( Bilangan Kod : 009 15 — 923 ).

( Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan. Bahagian Penerangan, Jabatan Perdana Menteri ).

**Tanggagaji :** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Higher National Certificate (HNC) dalam bidang yang bersesuaian atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Penolong Penyunting tidak kurang dari 5 tahun.

ii) 4 mata pelajaran di (termasuk Bahasa Melayu) di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Menyunting, menulis bahan untuk akhbar dan penerbitan Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

3. PEGAWAI MAKMAL KANAN :

( Bilangan Kod : 109 5 — 457 ).

(Di Jabatan Unit Anti Dadah, Kementerian Pelajaran ).

**Tanggagaji :** M. 8 EB. 9— $1485-2315 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) BTEC Higher Certificate atau Higher National Certificate dalam Sains/Teknologi Makmal Perubatan atau kelulusan dan bidang bersesuaian yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) BTEC atau OND dalam bidang Makmal Perubatan atau kelulusan yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman kerja selama 3 tahun sesudah mendapat Diploma di klinik makmal yang diiktiraf.

b) Mempunyai pengalaman bekerja di Klinik-klinik yang diiktiraf.

c) Pengalaman dalam kerja-kerja di bidang kajiracun (Texicology)/ Dadah adalah penting.

**Tugas-tugas :**

a. Juruteknik Makmal Kanan adalah dikehendaki bekerja di Makmal Narkotik, Unit Anti-Dadah. Dia dikehendaki menjalankan semua ujian makmal yang berkaitan sebagaimana diarahkan kepadanya oleh Ketua Makmal Narkotik dan Ketua Penyelidikan Ketagihan (Addiction Survey). Menjalankan tugas-tugas secara bersendirian dan cekap sebagaimana yang dihasratkan dari seorang pegawai yang berpengalaman dan terlatih.

b. Tugas-tugas dalam Makmal Narkotik termasuklah mengesan, mensahkan dan menentukan jumlah dadah yang terdapat dalam contoh-contoh dari penuntut-penuntut sekolah dan orang ramai. Dia juga dikehendaki (jika diarahkan) mengawasi kerja-kerja pembantu-pembantu makmal dan juru-juruteknik makmal. Penyelenggaraan alat-alat mesin adalah juga merupakan satu tanggungjawab tambahan. Pekerja-pekerja makmal Unit Anti-Dadah biasanya tidak dikehendaki bekerja di luar waktu-waktu bekerja. Namun demikian, kerja-kerja ujian yang mustahak akan diarahkan oleh Ketua Unit/Makmal pada bila-bila masa saja.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertakluk kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 12 Disember, 1987.

( Bilangan Pendaftaran : 120/1987 ).

( E/73/80 ).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL. : PPL/MTB/379/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF STREET LIGHTING CUTOUTS.

Tarikh tutup : 18 November, 1987.

Cagaran : $200.00.

Dokumen dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

## TAWARAN MEMBEKALKAN KERTAS PELITA BRUNEI KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1988 01/GP/19/1987

1. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam sehingga **12.00 tengah hari, pada hari Isnin 7 Disember, 1987** bagi membekalkan perkara-perkara seperti di bawah ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1988.

**1. NEWSPRINT**

| | | |
|---|---|---|
| Origin | : | FINLAND |
| Berat | : | 56 gsm |
| Grade | : | Tamblue H-Offset |
| Shade | : | 80% Whiteness Rating |
| Kekuatan (Strength) | : | bersesuaian dengan Automatic Tension Controller |
| Banyak dan Ukuran | : | Dikehendaki sebanyak lebih kurang **350 metrik ton.** Lebar (width) 32 ins. (Full Reel) dengan lubang (core) 3 ins. di tengah-tengah. Berat satu golong ialah lebih kurang 450 kilogram. |
| | : | Dikehendaki sebanyak lebih kurang **50 metrik ton.** Lebar (width) 16 ins. (Half Reel) dengan lubang (core) 3 ins. di tengah-tengah. Berat satu golong ialah lebih kurang 250 kilogram. |

**2. WOODFREE**

| | | |
|---|---|---|
| Origin | : | EUROPEAN/TAIWAN/KOREAN/MALAYSIA |
| Berat | : | 80 gsm |
| Grade | : | Woodfree Printing Paper |
| Banyak dan Ukuran | : | Dikehendaki sebanyak lebih kurang **50 metrik ton.** Lebar (width) 32 ins. (Full Reel) dengan lubang (core) 3 ins. di tengah-tengah. Berat satu golong ialah lebih kurang 500 kilogram. |

2. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

3. Semua Tawaran **HENDAKLAH** disertakan dengan **contoh kertas, Cap atau Brand Kertas, Syarikat yang membuat serta keterangan-keterangan yang diperlukan** di dalam borang tawaran yang disediakan. Semua tawaran hendaklah menggunakan Borang Tawaran yang disediakan. Kegagalan mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.

4. Jika ada tawaran yang dibuat selain daripada seperti yang ditetapkan, segala penentuan (specifications) mengenai kertas-kertas tersebut hendaklah dinyatakan dengan terang beserta contoh-contoh sekali seperti yang dikehendaki.

5. Harga-harga Tawaran hendaklah dihantar terus ke Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam, sementara contoh-contoh kertas bolehlah dihantar kepada **Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.** Semua contoh-contoh hendaklah dihantar tidak lewat **jam 4.30 petang, hari Isnin 7 Disember, 1987.**

6. Semua harga Tawaran adalah termasuk menghantar serta menyusun kertas-kertas yang dibekalkan ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Harga-harga yang ditawarkan adalah harga-harga pembekalan yang sebenar tanpa mempunyai sebarang syarat seperti tempoh sah harga (Price Validity) atau sebagainya. Sebarang cukai jika ada, atau penyewaan gudang dan lain-lain bayaran adalah atas perbelanjaan Pembekal sendiri sepertimana mengikut Surat Keliling Jabatan Perbendaharaan Bil. 12/1987. Tempoh keputusan Tawaran tidak dapat ditentukan. Penukaran harga selepas pemberitahuan tidak akan dilayan.

7. Tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda sipengirim dan hendaklah dialamatkan kepada :

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

dengan menanda di sampul itu :—

**PEMBEKALAN KERTAS PELITA BRUNEI 1988
KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
01/GP/19/1987**

8. Borang Tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

9. Cagaran Tawaran sebanyak $3,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang tawaran cuma akan diberikan setelah wang cagaran dijelaskan dengan menunjukkan resit pembayaran. Salinan resit **HENDAKLAH** disertakan bersama di dalam tawaran yang dihadapkan. Cagaran ini akan dikembalikan kepada Penawar-penawar yang tidak berjaya sebaik saja keputusan diterima. Kepada pembekal-pembekal yang berjaya, wang cagaran cuma akan dikembalikan sebaik saja pembekalan penuh dibuat.

10. Syarikat yang berjaya adalah dikehendaki mengikat Perjanjian (Kontrak) dan bersetuju membekalkan dengan harga seperti yang ditawarkan serta dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut :-

a) 50% dihantar dalam tempoh 75 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.

b) 50% dihantar dalam tempoh 45 hari selepas penghantaran pertama.

Di samping itu juga, Syarikat yang berjaya akan bersetuju bagi membekalkan, jika ada pembelian tambahan, dengan harga seperti yang ditawarkan dalam tempoh masa tahun pembekalan.

11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah berhak menolak tawaran atau mengenakan sebarang denda yang berpatutan bagi pembekalan yang lambat iaitu dikira dari tarikh penghantaran pertama seperti yang ditentukan atau membatalkan Perjanjian (Kontrak) dengan Pembekal pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan atau notis. Mana-mana Pembekal yang didapati tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan atau tidak menepati tarikh penghantaran, sebagai tambahan, Jabatan ini akan membuat laporan penuh mengenai kegagalan tersebut kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan lanjut.

12. Syarikat-syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian (Kontrak) dengan Pengarah Percetakan serta bersetuju mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan Kerajaan yang ada pada masa ini.

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran dan adalah berhak mengurangkan atau menambah bilangan banyak yang diperlukan.

ROYAL BRUNEI

# JADILAH SEORANG PELATIH JURUTERBANG DIRAJA BRUNEI

*Dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, Penerbangan Diraja Brunei menawarkan dermasiswa kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi membolehkan pemuda-pemuda untuk menjalani kursus pelatih juruterbang.*

*Calon-calon yang berjaya akan dihantar ke United Kingdom untuk menjalani kursus bagi mendapatkan "Commercial Pilot Licence and Instrument Rating". Kursus ini dijangka mengambil masa selama 15 bulan dan setelah tamatnya kursus ini pelatih-pelatih akan ditempatkan ke Syarikat Penerbangan lain sama ada di Eropah atau New Zealand untuk mendapatkan pengalaman praktikal dalam memandu pesawat jenis "Turbo Prop" sebelum kembali ke Brunei.*

## Kerjaya yang paling mencabar di Negara Brunei Darussalam




*Mereka yang berminat dalam kerjaya ini adalah diminta menulis dan memberi keterangan masing-masing kepada Pejabat Kakitangan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Peti Surat 737, Bandar Seri Begawan 1907, Negara Brunei Darussalam tidak lewat 20 November, 1987.*



## Keperluan dan kelayakan pemohon

1. *Calon-calon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai rekod kesihatan dan penglihatan yang baik.*
2. *Berumur 17 tahun ke atas.*
3. *Mempunyai kelulusan 5 kepujian dalam peperiksaan peringkat biasa termasuk mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Ilmu Hisab dan satu mata pelajaran Ilmu Sains dan mempunyai kelulusan dalam peringkat tertinggi adalah satu kelebihan.*

# Permainan gasing di kalangan belia perlu diperluas



SALAH seorang peserta menunjukkan cara yang berkesan bagi melilit gasing kepada Pg. Asmalee. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

PENGARAH Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee Pengiran Ahmad menggesa Persatuan Gasing Kebangsaan supaya berusaha memperluaskan permainan itu di kalangan belia-belia di negara ini.

Selain daripada itu beliau juga menyeru persatuan itu membantu pembuat-pembuat gasing berusaha menghasilkan gasing-gasing asli Brunei dan seterusnya mengajarkan kepada belia-belia agar permainan serta alatnya dapat dikekalkan.

Berucap semasa merasmikan Kejohanan Gasing Kebangsaan di Padang Menglait, Jumaat lepas menyatakan, "Saya berharap Persatuan Gasing Kebangsaan akan terus berusaha bukan saja memperluaskan dan meninggikan mutu permainan itu di kalangan ahli-ahli dan belia-belia di negara ini tetapi juga mengikhtiarkan membantu pembuat-pembuat atau tukang mahir pelurik-pelurik gasing supaya mereka akan dapat melipatgandakan usaha pengeluaran gasing-gasing asli Brunei untuk diajarkan kepada anak-anak muda kita supaya permainan dan alat permainan Melayu yang unik ini akan berterusan hidup turun-temurun," jelasnya.

Sehubungan dengan itu beliau berharap Persatuan Gasing Kebangsaan akan menjadi pengeluar dan pembekal alat-alat gasing asli untuk koleksi orang ramai, penuntut dan pelancong.

Selanjutnya Pengiran Asmalee kemudiannya menyanjung tinggi usaha menghidupkan semula permainan tradisi itu di mana melalui langkah itu menghidupkan lagi identiti Melayu.

"Usaha abis kita ini," katanya, "adalah sentiasa disanjung tinggi dan saya percaya usaha gigih dan rasa tanggungjawab semua pihak yang ingin mempertinggikan sukan tradisi ini akan berjaya menghidupkan permainan gasing sebagai satu identiti Melayu dan sebagai acara olahraga Melayu."

Terdahulu sebelum itu beliau menjelaskan pertandingan tersebut merupakan satu petanda baik dalam meninggikan dan mewujudkan permainan gasing sebagai satu acara sukan tradisi yang popular.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN



PENGARAH JKBS Pg. Asmalee diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang menyertai Kejohanan Gasing Kebangsaan di Padang Menglait. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

# Peserta Kampong Tanjung Nangka hampir bolot semua tempat

PESERTA-PESERTA dari Kampong Tanjung Nangka 'membolot' empat daripada lima tempat acara bergurau bahagian dewasa Kejohanan Gasing Kebangsaan yang berlangsung di Padang Menglait, Gadong Jumaat lepas.

Keempat-empat peserta itu mempamerkan prestasi cemerlang dengan mencatatkan masa yang seimbang antara satu dengan lain. Pengiran Rosli Pengiran Haji Malek menduduki tempat pertama dengan mencatatkan masa 43.08 minit, mengatasi rakan sepasukan Abd. Hamid Kahar yang mencatatkan masa 42. 34 minit manakala Damit bin Bahar yang juga mewakili Tanjong Nangka menduduki tangga ketiga mencatatkan masa 42.08 minit.

Tempat keempat juga disandang oleh Pasukan Tanjong Nangka iaitu Karim Bahar yang mencatatkan masa 41.02 minit. Beliau tertinggal satu minit di belakang rakannya yang menduduki tempat ketiga.

Bagaimanapun, kecemerlangan peserta-peserta Tanjong Nangka itu dapat dihalang dari dikuasai sepenuhnya apabila peserta Panchor Murai, Haji Jamaluddin Tunjol berjaya mencatatkan masa 41.07 minit dan selanjutnya menduduki tangga kelima.

Sementara itu bahagian remaja dalam acara yang sama disandang oleh Affendi Haji Hashim dari Kampong Selayun dengan mencatatkan masa 41.06 minit dan meninggalkan pemenang kedua dari Panchor Murai Rasmaini Haji Abd. Rahman sejauh tujuh saat yang mencatatkan masa 34.06 saat.

Pemenang ketiga ialah Johar Haji Hashim dari Panchor Murai yang mencatatkan masa 25.09, manakala tempat keempat dan kelima disandang oleh peserta adikberadik dari Kampong Sentul iaitu Shahminan Tamin dan Sariman Tamin yang masing-masing mencatatkan masa antara 22.91 dan 22.77.

# Negara jiran akan diundang pamerkan permainan gasing



DENGAN penuh aksi Pengarah JKBS Pg. Asmalee melontarkan gasing ke dalam gelanggang sebagai tanda perasmian Kejohanan Gasing Kebangsaan. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

PENGURUSI Persekutuan Gasing Kebangsaan, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Damit mensyorkan agar permainan gasing akan dapat diketengahkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bercakap dalam ucapan alu-aluan di Kejohanan Gasing Kebangsaan pada 6 November lepas di Padang Menglait, Gadong menyatakan permainan gasing bukanlah permainan asing bagi negara ini malah ianya merupakan permainan tradisi yang perlu dikekalkan.

"Dari itu patutlah dan sampailah pada masanya bahawa permainan gasing ini diketengahkan di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa," jelasnya.

Sebagai langkah permulaan ke arah memperkenalkan permainan itu, Persatuan Gasing Kebangsaan berhajat mengundang peserta-peserta negara jiran bagi mempersembahkan permainan tersebut.

Menurut Pengiran Ibrahim, "Malaysia telah pun menerima undangan ini dan kita akan cuba untuk mengetengahkan pertandingan gasing ini di sukan antarabangsa di masa-masa yang akan datang."

Sehubungan dengan itu beliau berharap peminat-peminat gasing yang selama ini bertanding hanya di kampung-kampung akan dapat diketengahkan di bandar supaya permainan ini diminati oleh semua lapisan masyarakat.

Sejumlah 82 orang peserta menyertai acara bergurau dalam bahagian dewasa manakala 22 orang peserta menyertai acara yang sama dalam bahagian remaja.

## Ke arah perpaduan, persefahaman

# K-tangan pelbagai kementerian perlu saling mengenali



SEBAHAGIAN daripada tetamu kehormat yang menghadiri pembukaan Kejohanan Badminton di Dewan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Gadong. — Gambar oleh Harun Rashid.

KEJAYAAN mengumpulkan kakitangan daripada pelbagai kementerian untuk merapatkan hubungan silaturahim di kalangan pemain dan galakan ke arah perpaduan bagi menimbulkan persefahaman merupakan dua unsur penting yang dikagumi.

Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, Dato Paduka Awang Haji Abd. Razak bin Haji Mohammad berkata kesimpulan dua unsur itu merumuskan bahawa semua kakitangan daripada pelbagai kementerian perlu saling kenal mengenali antara satu sama lain.

Berucap semasa merasmikan Kejohanan Badminton Berpasukan antara kementerian-kementerian merebut piala sumbangan Timbalan Menteri Pelajaran Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad bin Haji Jumat di Dewan Gerak Badan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, pada 2 November lepas menyatakan dengan cara demikian akan memudahkan lagi mendukung hasrat Kerajaan Negara Brunei Darussalam memberikan sumbangan khidmat bagi kesenangan rakyat.

"Ini akan memudahkan lagi dalam mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam matlamat untuk menyumbangkan khidmat yang sempurna dan menyenangkan rakyat atau orang ramai," jelasnya.

Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran seterusnya menyatakan galakan-galakan dan pertemuan-pertemuan seperti itu memang patut dan wajar untuk diambil perhatian.

Menyentuh mengenai bidang sukan pula Dato Paduka Awang Haji Abd. Razak berkata kejohanan itu bukanlah bermatlamatkan mencari pemain untuk mewakili negara di sukan antarabangsa, tetapi hanyalah untuk berekreasi sahaja.

"Kita menyedari perlawanan seumpama ini, bukanlah untuk menimbukan pemain-pemain negara untuk mewakili negara di arena sukan antarabangsa, tetapi hanyalah sekadar tidak lebih dari berekreasi sahaja iaitu satu bentuk 'recreation' yang menimbulkan faedah sama ada untuk kesihatan mahupun untuk merapatkan hubungan antara satu dengan yang lain," jelasnya.

## Perlawanan akhir badminton antara kementerian 20 November



AKSI perlawanan pembukaan antara Kementerian Kewangan C dan Jabatan Perdana Menteri 4 yang berkesudahan Kewangan C berjaya menundukkan JPM 4 3-0. — Gambar oleh Harun Rashid.

KEMENTERIAN Kewangan C berjaya mengalahkan Pasukan Jabatan Perdana Menteri 4 dalam perlawanan pembukaan kejohanan badminton berpasukan antara kementerian-kementerian anjuran Kementerian Pelajaran bagi merebut piala sumbangan Timbalan Menteri Pelajaran, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad Haji Jumat.

Kementerian Kewangan C memenangi perlawanan perseorangan pertama, bergu pertama dan perseorangan kedua yang berlangsung di Dewan Gerak Badan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, 2 November lepas.

Kejohanan tahunan itu disertai oleh sembilan buah kementerian daripada 27 buah jabatan-jabatan kerajaan dan perlawanan akhir dijangka akan berlangsung pada 21 November depan.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

# BELIA & SUKAN



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pg. Anak Haji Abdul Aziz menyampaikan piala kepada ketua pasukan ABDB yang menewaskan Daerah Belait 1-0. — Gambar oleh Harun Rashid.

# Pasukan ABDB rebut Piala Presiden BAFA

DAERAH Belait mengalami kegagalan kali ketiga berturut-turut apabila 'kecundang' dengan jaringan tipis 1-0 di tangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dalam perlawanan akhir merebut Piala Presiden Persatuan Bolasepak Amatur Brunei (BAFA) di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas, Ahad lepas.

Sebelum ini, Daerah Belait sudah dua kali 'kempunan' untuk meraih piala itu apabila ditewaskan dalam perlawanan akhir pada tahun 1986 oleh Pasukan Daerah Brunei dan Muara dan pada tahun 1985 tewas kepada pasukan Daerah Tutong juga dalam perlawanan akhir.

Kemenangan tunggal pasukan ABDB itu diperolehi dari sepakan penalti yang dilakukan oleh pemain veteran Pengiran Tajuddin Pengiran Haji Othman di minit ke-75 separuh masa kedua setelah Ketua Pasukan Daerah Belait, Pengiran Ahmad Pengiran Hj. Mat Jaafar melakukan 'tackle kasar' ke atas Suhaimi Haji Abd. Karim yang ketika itu melarikan bola masuk ke petak penalti.

Melihat keadaan itu, pengadil perlawanan Haji Ibrahim Haji Johari tanpa ragu-ragu 'menghadiahkan' ABDB sepakan penalti sekalipun dibantah oleh pemain-pemain Daerah Belait.

Setelah mendahului 1-0, ABDB terus ghairah untuk menambahkan lagi jaringan mereka dengan melancarkan serangan-serangan hebat ke atas kubu pertahanan Daerah Belait. Bagaimanapun 'kekebalan' barisan pertahanan Daerah Belait, semua percubaan itu gagal menemui matlamatnya.

Terdahulu sebelum jaringan itu, Daerah Belait memperolehi peluang baik untuk mendahului ABDB. Tetapi, gerakan yang dilakukan oleh Mumtazali Abd. Aziz di minit ke-48 itu hanya mengena palang gol.

Kemudian di minit ke-68 pula ABDB 'bangkit' menyerang balas dan hampir memperolehi gol apabila penyerang ABDB Pengiran Rosli secara solo hanya berdepan dengan penjaga gol Daerah Belait, Wasmali Abdullah di mana ketika itu Wasmali berjaya menyekat bola yang dirembat oleh Pengiran Rosli dari menembusi pintu golnya.

Dalam separuh masa pertama, ABDB yang dibarisi oleh pemain-pemain veteran berjaya menguasai sebahagian besar permainan dengan melancarkan banyak serangan-serangan ke atas pintu gol Daerah Belait. Penyerang-penyerang seperti Yusof Rashid, Pengiran Rosli, Suhaimi Haji Abdul Karim dan Pengiran Tajuddin, sering menguji ketangkasan penjaga pintu gol Daerah Belait.

Sementara itu penyerang-penyerang Daerah Belait yang di'kemudikan' oleh bekas pemain kebangsaan Jaafar Sulong gagal memberikan tentangan dan sebaliknya hanya bertahan membantu barisan pertahanan mereka yang diasak bertubi-tubi oleh ABDB.



BARISAN penyerang ABDB mengasak kubu pertahanan Daerah Belait dalam usaha untuk menjaringkan gol. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Kejohanan badminton berpasukan

KELAB Badminton Guru-guru dan Kakitangan Sekolah Menengah Serasa kini menganjurkan Kejohanan Badminton Berpasukan Mukim Serasa Muara bagi merebut piala Haji Mustafa Shawal, Ketua Pelajaran Menengah Kementerian Pelajaran kali kedua.

Menurut pihak penganjur, kejohanan itu dianjurkan sempena menyambut hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-41.

Kejohanan tersebut akan berlangsung pada awal bulan Disember depan dan terbuka kepada kakitangan-kakitangan jabatan kerajaan dan swasta, peniaga-peniaga serta penduduk tetap yang bermastautin di sepanjang jalan Kampong Sungai Hanching, Sungai Besar, hingga ke Pekan Muara dan kawasan sekitarnya.

Borang-borang dan syarat-syarat penyertaan kejohanan ini boleh didapati daripada Sekolah Menengah Serasa mulai sekarang dan tarikh tutup tidak lewat daripada 1 Disember depan.

# DITERIMA MENGADAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap ketua-ketua delegasi Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun pada petang Khamis, 5 November lepas di Istana Nurul Iman.

Di istiadat tersebut baginda juga telah diperkenalkan kepada ketua delegasi, ketua pentadbir Kapal Nippon Maru serta kapten kapal dan pengerusi tertinggi kapal belia oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad.

Negara Filipina diketuai oleh Dayang Edna Amor Bello, Republik Indonesia diketuai oleh Awang Haji Mohammad bin Sanib ; Thailand, Anothai Udomhilp ; Singapura, Awang Ag Ah Hee dan Jepun diketuai oleh Awang Fumihiko Adachi.

Ketua-ketua delegasi Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun itu juga telah menyembahkan cenderamata ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Gambar kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima cenderamata yang dipersembahkan oleh Awang Mohd. Noor, Ketua Delegasi Brunei Darussalam. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Lain-lain berita dan gambar-gambar disiarkan di muka 2 dan 7.



## Syarikat-syarikat Kerjasama diseru:

# GUNA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN KERAJAAN

Oleh: Zubaidah Haji Salat

GADONG. — Banyak syarikat-syarikat kerjasama di seluruh negara sejauh ini tidak menggunakan kesempatan ataupun kemudahan yang disediakan oleh kerajaan melalui Pusat Perbekalan Kerjasama, Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Walaupun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, melalui Pusat Perbekalan Kerjasama telah menyediakan bebagai kemudahan seperti kaki-tangan yang menguruskan, bangunan, kenderaan dan yang lainnya.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Awang Haji Tahir bin Haji Abd. Wahab, Pegawai Kemajuan Kerjasama, ketika memberikan taklimat di Majlis Perjumpaan bersama kira-kira 50 orang jawatankuasa tertinggi dan ahli-ahli syarikat kerjasama dari seluruh negara yang menyertai Skim Jualan Perabis yang berlangsung di Bilik Kuliah Jabatan Kemajuan Kerjasama di sini pada 8 November lepas.

Katanya, menyedari akan perkara tersebut, Jabatan Kemajuan Kerjasama telah pun berusaha menyatukan pemerhatian dan penglibatan syarikat-syarikat kerjasama terhadap Pusat Perbekalan Kerjasama.

Di antaranya ialah perjumpaan di Majlis Jualan Perabis di hari tersebut, yang mana dihasratkan bagi mempertingkatkan lagi daya usaha ke arah menyelaraskan kehendak-kehendak ahli-ahli syarikat kerjasama di seluruh negara dengan mempelbagaikan barangan di kedai syarikat masing-masing.

Dengan ini akan memberi kesempatan kepada syarikat-syarikat kerjasama supaya berjual murah kepada ahli-ahlinya dengan harga yang boleh menarik perhatian ahli-ahli dan orang ramai.

Menurut Awang Haji Tahir, dengan adanya Skim Jualan Perabis ini, pihaknya akan dapat memperbentukkan semua kedai-kedai syarikat kerjasama seluruh negara dengan mengenalkan barangan yang ada di Pusat Perbekalan Kerjasama.

Maklum balas, pandangan serta cadangan dari ahli-ahli Syarikat Kerjasama, jelas Awang Haji Tahir akan mempermudahkan pihaknya memikirkan dan mensesuaikan kehendak-hendak yang diperlukan oleh syarikat masing-masing.

Peserta Skim Jualan Perabis di perjumpaan tersebut juga telah berpeluang menyaksikan berbagai-bagai barangan yang terdapat di Pusat Perbekalan Kerjasama seperti alat-alat sekolah, pakaian orang-orang dewasa hinggalah kepada kanak-kanak, alat-alat perabot, barang-barang perhiasan, barang-barang makanan dan bermacam-macam barang keperluan harian.

## dari muka 1

Di samping keimanan dan akidah yang kuat titah baginda lagi semangat bekerjasama, bersatu padu dan sentiasa berdisiplin serta patuh kepada peraturan-peraturan dan undang-undang negara adalah merupakan intisari utama di dalam mewujudkan kestabilan negara dan ketahanan masyarakat.

Menyentuh mengenai dengan tema sambutan yang berbunyi 'Bersatu Ke Arah Keamanan dan Kemajuan", baginda bertitah tema tersebut tidak akan mempunyai makna sekiranya ianya tidak dipraktikkan dan dihayati oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Terdahulu dalam titah baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan bahawa perhimpunan Maulud yang diadakan pada setiap tahun ini bukanlah semata-mata ditakrifkan bagi memperingati kelahiran rasul Allah teragung yang membawa sinar keimanan dan kemerdekaan serta kesempurnaan penghidupan kepada manusia alam sejagat tetapi juga bertujuan untuk memberikan ingatan di dalam kehidupan kita sehari-hari akan sikap-sikap terpuji dan teragung Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurut baginda lagi di samping mengingati perjuangan-perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang cekal dan gigih dalam menyebarkan dan menegakkan syiar Islam yang suci dan membentuk akhlak manusia yang sempurna ianya juga bertujuan untuk mengingati kembali akan keteguhan iman serta perpaduan dan kerjasama umat Islam di zaman baginda yang kuat dan kukuh di dalam menegakkan agama Allah dalam kehidupan mereka sehari-hari.

## Lawatan Timbalan Menteri Pertahanan Peranchis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah berkenan menerima mengadap Timbalan Menteri Pertahanan Peranchis, Tuan Yang Terutama Tuan Jacques Boyon di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada pagi Selasa, 3 November lepas.

Tuan Jacques yang disertai oleh isteri beliau dan tiga orang pegawai kanan adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini.

Tuan Yang Terutama juga telah melakukan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong di Kementerian Pertahanan pada petang Isnin lepas.

Di sebelah paginya Timbalan Menteri Pertahanan Peranchis itu juga telah melakukan kunjungan hormat kepada Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud di Ibu Pejabat Berakas Garison.

## Perhimpunan Maulud Nabi

Dari muka 12

Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud telah menyembahkan ucapan alu-aluan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di perhimpunan tersebut telah berkenan melafazkan titah.

Seperti lazimnya di perhimpunan-perhimpunan Maulud yang lalu, sejurus sebelum mengepalai perarakan mengelilingi ibu negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusalam telah berkenan bersalam-salaman dengan ketua-ketua pasukan serta umat Islam yang mengambil bahagian dalam perhimpunan pada pagi itu.

Bagi memberkati perhimpunan tersebut doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Ustaz Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di ibu negara telah disertai oleh lebih daripada 47 ribu umat Islam daripada 153 buah pasukan yang terdiri dari kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, pasukan-pasukan beruniform, institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab, kampung-kampung, persatuan-persatuan belia dan kebajikan, pertubuhan-pertubuhan sukarela serta swasta.

Turut menyerikan sambutan Maulud pada pagi itu ialah persembahan Marhaban yang telah dipersembahkan oleh penuntut-penuntut Persediaan Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah.

**Bagi keselamatan awda gunakan tali keledar semasa memandu**

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.